



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK HJ. ALWI BIN HJ. YUSOF  
PENGERUSI PERSATUAN SENI PURBA DAN KRAFTANGAN KELANTAN**

**OLEH:**

<b>CHE WAN MUHAMMAD ARIF RIFQI BIN CHE WAN JAAFAR</b>	<b>2021839794</b>
<b>MOHD AMINUDDIN BIN MAT LAZAT</b>	<b>2021816358</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK HJ. ALWI BIN HJ. YUSOF  
PENGERUSI PERSATUAN SENI PURBA DAN KRAFTANGAN KELANTAN

OLEH:

CHE WAN MUHAMMAD ARIF RIFQI BIN CHE WAN JAAFAR	2021839794
MOHD AMINUDDIN BIN MAT LAZAT	2021816358

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM W.B.T

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya kami berjaya menyiapkan tugas yang dikira mencabar ini dalam tempoh yang ditetapkan. Kami dengan setulus hati mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu kami menjayakan projek bagi subjek IMR 604: Oral Documentation, iaitu projek “Transkrip Wawancara bersama Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan”. Kami amat menghargai segala jasa dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat sepanjang tempoh dan proses yang kami lalui dalam mengerjakan projek ini sehingga ianya selesai dengan jayanya.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga kami sampaikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah yang telah banyak membantu kami dalam pelbagai aspek serta perkara yang kami hadapi dalam proses menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulannisa yang telah menabur jasa dan bakti sebagai salah seorang tenaga pendidik yang bertanggungjawab mencurahkan ilmu dan tunjuk ajar kepada kami sepanjang semester 5.

Seterusnya, ribuan terima kasih kami ucapkan kepada Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof yang sudi meluangkan masa beliau bersama kami dalam sesi temubual mengenai biografi dan kerjaya beliau sebagai Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan. Kami berasa amat bertuah kerana Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof amat mudah untuk berkongsi ilmu serta senang hati untuk berurusan dengan pihak kami sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, kami juga amat menghargai segala jasa dan sokongan penuh yang kami terima dari ahli keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa bersama kami dari awal hingga ke akhirnya. Sesungguhnya, kejayaan kami pada saat ini tidak dapat digapai tanpa sokongan, dorongan dan motivasi yang dicurahkan oleh insan-insan hebat ini. Semoga Allah S.W.T memberkati kita semua di dunia mahupun di akhirat.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan bersama Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan iaitu Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof untuk mengetahui tentang pengalaman beliau dalam kerjayanya sebagai seorang Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan. Temubual ini telah dijalankan di kediaman beliau yang terletak di Kampung Cherang, Kota Bharu, Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 16 Disember 2023 bermula pada jam 10.00 pagi hingga 12.00 petang. Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof ialah pesara kerajaan dan merupakan Ahli Lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof juga telah berkhidmat sebagai Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan selama 17 tahun iaitu sejak tahun 2006 hingga kini. Encik Ramli bin Mat Isa juga merupakan seorang pencinta dan pengumpul senjata melayu iaitu keris sejak remaja lagi. Tidak dapat dinafikan bahawa Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof pasti memiliki banyak pengalaman dan kenangan pahit manis dalam usaha menggalas tanggungjawab sebagai pengerusi persatuan sekaligus memelihara dan melestarikan warisan seni purba dan senjata melayu yang amat berharga baginya. Sesungguhnya, kisah hidup dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber motivasi dan inspirasi kepada semua individu.*

**Kata kunci:** *Pengerusi, persatuan, seni purba, senjata melayu, keris.*

## ABSTRACT

**Abstract:** *This interview was conducted with the Chairman of the Ancient Arts and Crafts Association of Kelantan, Mr. Hj. Alwi bin Hj. Yusof, to learn about his experiences in his career as the Chairman of the Ancient Arts and Crafts Association of Kelantan. The interview took place at his residence in Kampung Cherang, Kota Bharu, Kelantan, on December 16, 2023, from 10:00 AM to 12:00 PM. Mr. Hj. Alwi bin Hj. Yusof is a retired government servant and a member of the Kelantan State Museum Corporation Board. He has served as the Chairman of the Ancient Arts and Crafts Association of Kelantan for 17 years, from 2006 until the present. Mr. Ramli bin Mat Isa has also an enthusiast and collector of Malay weapons, particularly keris, since his youth. It is undeniable that Mr. Hj. Alwi bin Hj. Yusof must have many experiences and memories, both bitter and sweet, in his efforts to shoulder the responsibilities as the chairman of the association, simultaneously preserving and conserving the invaluable heritage of ancient arts and Malay weapons. Undoubtedly, his life story and career can serve as a source of motivation and inspiration for all individuals.*

**Keywords:** *Ancient Arts and Crafts Association of Kelantan, oral history, ancient arts, Malay weapons, keris.*

# ISI KANDUNGAN



## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Abreviasi	vii
Rujukan Kata	viii
Biodata Tokoh	xiii
Biodata Penemubual	xv
Pengenalan	xviii
Transkrip	1
Bahagian 1: Latar Belakang	2
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan	5
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya	7
Bahagian 4: Sejarah dan Asal Usul Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan	15
Bahagian 5: Pengalaman sebagai Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan	25
Bahagian 6: Pengalaman sebagai Pengumpul Keris	32
Bahagian 7: Sumbangan dan Harapan	53
Log Wawancara	59
Diari Kajian	66
Senarai Soalan Sebelum Temu Bual	78
Senarai Soalan Selepas Temu Bual	87
Lampiran 1	95
Lampiran 2	96
Lampiran 3	96
Lampiran 4	97
Lampiran 5	97
Lampiran 6	98
Lampiran 7	98
Indeks	99

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AJK	Ahli Jawatankuasa
BSN	Bank Simpanan Nasional
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
KL	Kuala Lumpur
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UM	Universiti Malaya

## RUJUKAN KATA

Amik	Ambil
Aye	Ayam
Banyok	Banyak
Barey	Barang
Barey-Barey	Barang-barang
Bayor	Bayar
Beki-Beki	Baiki
Belakey	Belakang
Beley-Beley	Sambil
Berapo	Berapa
Berderak	Keluar berjalan
Berkemampuey	Berkemampuan
Bincey	Bincang
Bini	Isteri
Borey	Boring
Bowok	Bawa
Buh	Letak
Bukak	Buka
Buley	Bulan
Cadey	Cadang
Cey	Cam
Comey	Cantik
Dah	Sudah
Daley	Dalam
Debey	Garang
Depey	Depan

Dibukukea	Dibukukan
Diorang	Mereka
Dok	Tak
Dunio	Dunia
Empu	Tuan
Eney	Enam
Gapo-Gapo	Apa-apa
Gi	Pergi
Gini	Begini
Gitu	Begitu
Glamour	Terkenal
Gok	Juga
Gomo	Ambil semua
Harini	Hari ini
Hat	Yang
Hiley	Hilang
Hok	Milik
Ja	Sahaja
Jaley	Jalan
Jamoh	Sentuh
Jangey	Jangan
Je	Sahaja
Jugak	Juga
Jutawey	Jutawan
Kacau	Berterabur
Kadey-Kadey	Kadang-kadang
Kat	Di
Katok	Tempa
Kawe	Kawan
Kecek	Cakap

Kecik	Kecil
Kelate	Kelantan
Kelebehey	Kelebihan
Keletey	Kelantan
Ketanda'ey	Ketandaan
Kijo	Kerja
Kubey Keriey	Kubang kerian
La	Sekarang
Lambey	Lambang
Lagu Tu	Seperti itu
Lemoh	Lemah
Leni	Sekarang
Lepas	Selepas
Lepasni	Selepas ini
Lepastu	Selepas itu
Luo	Luar
Macey	Macam
Makey	Makan
Maley	Malam
Masaloh	Masalah
Masatu	Semasa itu
Memey	Memang
Mende-Mende	Perkara-perkara
Menengok	Melihat
Mintok	Minta
Molek	Elok
Okay	Baiklah
Orey	Orang
Pah	Selepas
Pahey	Pahang

Panggil	Gelaran
Pasai	Pasal
Pastu	Selepas itu
Pe	Seperti
Pegey	Pegang
Pehey	Faham
Pelajarey	Pelajaran
Pengalamey	Pengalaman
Pero	Pelihara
Pertandingey	Pertandingan
Pokcik	Pak cik
Pokoknya	Sebabnya
Pompuey	Perempuan
Pulak	Pula
Puok-Puok	Kumpulan
Raso-Raso	Rasa
Rato-Rato	Merata
Reti	Pandai
Royak	Beritahu
Saing-Saing	Kawan
Sape-Sape	Sesiapa
Sari	Satu hari
Sedare	Saudara
Seleheng	Salah guna
Semacey	Semacam
Sembiley	Sembilan
Seorey	Seorang
Sikit-Sikit	Sedikit-sedikit
Sipey	Simpan
Sohor	Bangga

Sokmo	Selalu
Sorey	Seorang
Suko	Suka
Suku	Asing
Supo	Seperti
Takdak	Tiada
Takdi	Tadi
Takdok	Tiada
Takleh	Tidak boleh
Takpe	Tidak mengapa
Tangey	Tangan
Tanyo	Tanya
Teganu	Terengganu
Telepon	Menghubungi
Tengoh	Tengah
Terlupo	Terlupa
Tino	Perempuan
Toksey	Tidak mahu
Tukey	Tukang
Tuo	Tua
U	Universiti
Wak Gapo	Buat apa
Warisey	Warisan
Wasap	Whatsapp
Wi	Beri

# **BIODATA TOKOH**



## BIODATA TOKOH



Gambar 1: Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof

Nama	:	Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof
Umur	:	
Tarikh Lahir	:	
Alamat	:	Kelantan
No. Telefon	:	Berkahwin
Status	:	Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan
Jawatan	:	Seni Purba dan Warisan Senjata Melayu
Bidang	:	

# **BIODATA PENEMUBUAL**

# BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama	:	Che Wan Muhammad Arif Rifqi bin Che Wan Jaafar
Alamat	:	Terengganu
Tarikh Lahir	:	Terengganu
Tempat Lahir	:	
No. Telefon	:	
Emel	:	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Sistem
Program	:	Maklumat (IM245)

## BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama	:	Mohd Aminuddin bin Mat Lazat
Tarikh Lahir	:	Kedah
Tempat Lahir	:	Kedah Darulaman
Alamat	:	
No. Telefon	:	
Emel	:	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)
Program	:	

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Kami telah diberi tugas daripada pensyarah untuk melaksanakan satu kajian dan mencari tokoh yang berpengalaman untuk menceritakan tentang perkara yang berkaitan dengan tema Warisan Budaya dan Kandungan Tempatan. Oleh itu, kami memilih warisan seni purba dan senjata melayu sebagai fokus utam bagi kajian ini demi memenuhi skop projek untuk subjek IMR604 Oral Documentation. Selain itu, tugas ini juga melibatkan kaedah sejarah lisan yang merupakan suatu kaedah untuk mendapatkan dan mengumpulkan keterangan-keterangan sejarah melalui teknik temubual, wawancara, atau soal jawab yang dirakamkan ke dalam pita rakaman. Tokoh-tokoh yang dipilih untuk terlibat dalam sesi wawancara juga biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari segi penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri atau melalui perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

Justeru itu, maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya didokumentasikan menjadi satu transkrip lengkap yang memainkan peranan besar sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan kepada para penyelidik di masa akan datang. Bagi memenuhi skop utama kajian iaitu warisan seni purba dan senjata melayu, kami memilih Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof sebagai tokoh yang ingin ditemubual untuk memastikan maklumat yang kami terima berkait dengan skop kajian yang dipilih. Kami juga mendapati bahawa beliau banyak mengetahui tentang warisan seni purba dan senjata melayu seperti keris kerana beliau merupakan Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan sejak tahun 2006 hingga kini. Beliau juga merupakan seorang pencinta dan pengumpul senjata melayu iaitu keris.

Oleh yang demikian, pengetahuan yang dimiliki oleh beliau tentang warisan seni purba dan senjata melayu membuatkan kami teruja untuk menemubual beliau seterusnya untuk mendapatkan maklumat penting sebanyak yang mungkin. Tugas pengdokumentasian sejarah lisan yang akan kami laksanakan ini juga mempunyai kepentingan yang berharga kerana ia dapat memupuk minat dengan lebih mendalam untuk menambah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sejarah sesuatu perkara.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang pengalaman Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof di mana beliau merupakan Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan sejak tahun 2006 hingga kini. Beliau juga merupakan seorang pencinta dan pengumpul senjata melayu iaitu keris. Rakaman dan temu bual ini telah dijalankan pada tarikh 16 Disember 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi hingga 12 tengahari bertempat di Kampung Cherang, Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Che Wan Muhammad Arif Rifqi Che Wan Jaafar dan Mohd Aminuddin Mat Lazat. Berikut adalah hasil rakaman yang berjaya dilaksanakan.

**Petunjuk:**

**AR: Arif Rifqi**

**MA: Mohd Aminuddin**

**EA: Encik Alwi**

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

**AR : Jadi, pertama kita pergi kepada latar belakang dulu. *Okay* [Baiklah], soalan pertama, bolehkah Encik Alwi kongsi latar belakang encik? Nama penuh, umur, tempat tinggal.**

**EA : Pertamanya, saya nak *kecek* [cakap] *Kelatey* [Kelantan]. *Seney* [senang]. *Kecek***



[cakap] *luo* [luar] takut gagap-gagap. Ha- kita *kecek* [cakap] *Keletay* [Kelantan] sebab semua boleh *pehey* [faham] tak? Jadi, *pokcik* [Pak Cik] nama penuhnya Haji Alwi bin Haji Yusof. Lahir ... Jadi, terima kasih banyak atas kedatangan semua pelajar-pelajar daripada apa, *U* [universiti] di?

**UiTM [Universiti Teknologi MARA] Machang.**

- AR :** UiTM [Universiti Teknologi MARA] Machang. Untuk menemu bual saya, Haji.
- EA :** Jadi, setakat yang Haji boleh bagi, boleh. Kalau yang— bukannya semua tahu. Jadi sekadar ya. Ha jadi apa yang nak tahu itu Pak Cik cuba jelaskan. Jadi Pak Cik berpelajaran tidak tinggi. Dulu-dulu kan jarang-jarang masuk universiti *kan*. Pak Cik ini habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] *je* [sahaja]. *Takat* [setakat] itu. Jadi, lepas sekolah itu Pak Cik terus berminat kepada seni. Seni pertamanya, *pokcik* [Pak Cik] cebur dirinya dalam pengumpulan, koleksi. Koleksi kain-kain lama, keris-keris, mata wang lama, itulah sehingga tahun 1986 kita telah tubuh persatuan. *Pokcik* [Pak Cik] ini salah seorang apa nama, jawatankuasa penaja. Jadi tahun (bunyi suara memanggil) itu isteri *pokcik* [Pak Cik]. Itu isteri *pokcik* [Pak Cik] (Isteri Haji Alwi menyapa penemubual). Jadi, apa? Tak ingat *dah* [sudah] tadi. Setakat mana *dah* [sudah]. Jadi, cebur diri, bukan? Jadi Pak Cik buat koleksi selepas sekolah itu. Sampai ke pergi Thailand apa semua cari *barey* [barang], bahan-bahan. *Pokcik* [Pak Cik] minat *daley* [dalam] sekolah lagi. Minat *barey-barey* [barang-barang] lama ini dari sekolah lagi. Oh, jadi penubuhan itu, persatuan itu tahun lapan puluh *eney* [enam]. Jadi Pak Cik salah seorang penaja.

Jadi jawatankuasa penaja. Jadi bila tubuh persatuan itu Pak Cik diberi tugas sebagai bendahari dulu, pertama. Sejak penubuhan itu, Ayah Haji diberi tugas sebagai bendahari persatuan. Jadi selepas pada itu tahun 2006. 2006 Pak Cik dipilih dalam jawatankuasa mesyuarat agung. Dipilih sebagai pengerusi. Pengerusi persatuan bermula pada tahun 2006. Tahun 2006 sampai *la* [sekarang] ini. Masih menjadi pengerusi lagi. Jadi pokcik, rasanya macam nak bersara *dah* [sudah]. Tapi jawatan kuasa dan ahli-ahli semua *tak* [tidak] bagi lagi. Dia perlu lagi pada khidmat Pak Cik. Jadi Pak Cik boleh kerana *takdak* [tidak ada] apa, Pak Cik terus *ja* [sahaja]. Sehingga *harini* [hari ini]. Begitu.

**AR : Jadi adakah Pak Cik ada macam nama gelaran atau nama samaran?**

EA : Nama samaran *takdok* [tidak ada], Haji Alwi Haji Yusof saja, dalam Facebook dalam *wasap* [WhatsApp] *gitu* [begitu].

**AR : Nama *glamour*[terkenal] ada?**

EA Nama *glamour* [terkenal] itu *orey* [orang] panggil Haji Alwi *je* [sahaja]. (Ketawa).

**AR : Boleh Encik kongsi latar belakang keluarga?**

EA : Pak Cik ada anak empat *orey* [orang]. Yang pertama di Kuala Lumpur sebagai arkitek, yang sulung. Nombor dua, di *Kemaman* [Terengganu], doktor pakar. Yang ketiga, *pompuey* [perempuan] *sorey* [seorang]. Anak *tino* [perempuan], dia pegawai *bank*. *Bank* BSN [Bank Simpanan Nasional] dan yang bongsu sekali *duk* [ada] di DBKL [Dewan Bandaraya Kuala Lumpur], sebagai penolong pengarah.

*Pat* [empat] *orey* [orang] *jelah* [sahaja]. (Ketawa).

**AR : Boleh saya tahu Encik mempunyai berapa orang adik-beradik?**

EA Pak Cik ramai, sepuluh *orey* [orang].

**AR : Pak Cik anak yang ke berapa?**

EA : Anak yang ke empat. *Tengoh* [tengah]. Anak-anak *sedare* [saudara] panggil Ayah Ngah. (Ketawa).

**AR : Boleh Pak Cik kongsi juga latar belakang keluarga, macam berkenaan pasangan?**

EA ; Isteri Pak Cik dia pesara, macam Pak Cik *jugak* [juga]. Dia pesara akauntan negara. Jabatan Akauntan Negara. Bukan akauntan negara. (Ketawa).

## TAMAT BAHAGIAN 1

### BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

**AR : Baiklah, kita ke sejarah pendidikan, boleh Pak Cik ceritakan serba sedikit berkaitan dengan sejarah pendidikan?**

EA : Masatu, tahun *eney puluh sembiley* [enam puluh sembilan] ramai, *saing-saing* [kawan-kawan] Ayah Haji masuk universiti. Masatu dia satu prinsip. Dulu.

Selepas MAGERAN [Majlis Gerakan Negara] tahun 2009. Kerajaan ubah dasar *pelajarey* [pelajaran]. Maknanya tahun 2009 *takdok* [tidak ada] *orey* [orang] melayu masuk universiti. Lepas berlaku tahun 2009, huru-hara besar. Jadi kerajaan ubah dasar ekonomi baru. Jadi mana-mana anak melayu yang masuk tingkatan *eney* [enam] dapat satu *principle* [prinsip] dan satu subsit boleh masuk *U* [universiti]. Tapi Pak Cik malas. Pak Cik *suko* [suka] pada seni. Terus seni. Sampai ke *harini* [hari ini].

**AR : Jadi sewaktu masuk bergelaran pelajar, adakah Pak Cik, macam Pak Cik cerita tadi Pak Cik minat seni. Jadi macam subjek atau aktiviti di sekolah ada Pak Cik *join* [mengikuti] yang seni-seni?**

EA : *Takdok* [tidak ada], *takdok* [tidak ada], *masatu* [semasa itu] *takdok* [tidak ada].

**AR : Jadi adakah Pak Cik pernah aktif dalam kursus-kursus, persatuan—**

EA Pak Cik ini, Ayah Haji pernah dijemput menghadiri seminar-seminar di luar Kelantan. Maksudnya seminar ini, perkerisan, senjata warisan melayu itu dan itulah dulu.

**AR : Itu masa kat sekolah ataupun—**

EA : Lepas *dah* [sudah].

**AR : Jadi kiranya, kemahiran dan pengalaman Pak Cik daripada sekolah itu, yang minat itu kiranya memang bagi impak, mempengaruhi diri Pak Cik berjaya sekarang?**

EA : Betul, betul.

AR : **Jadi boleh Ayah Haji kongsikan pengalaman di sekolah yang *tak* [tidak] boleh dilupa?**

EA : *Takdak* [tidak ada]. Apa yang di sekolah itu biasa *ja* [sahaja]. *Lepas* [selepas] sekolah itu baru ada pengalamann (Ketawa).

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

AR : **Baiklah, sekarang *ini* kita bercakap mengenai kerjaya. Kerjaya *ini* banyak. Jadi macam yang Ayah Haji cerita tadi, boleh Ayah Haji cerita kerjaya pertama Ayah Haji selepas tamat sekolah?**

EA : Selepas tamat sekolah Ayah Haji rasa, Ayah Haji cebur *selalu* [terus] dalam bidang *ini*. *Start* [mula] kumpul, jadi *masatu* [semasa itu] Ayah Haji cari manuskript. Manuskript lama. Tahun lapan puluh lima, Ayah Haji mula berkenalan Professor Diraja Ungku Aziz. Bila Ayah Haji selalu kerap pergi Kuala Lumpur, Universiti Malaya, kerap berjumpa dengan Profesor Ungku Aziz. Naib Canselor Universiti Malaya. Jadi, berkebetulan Profesor Ungku Aziz ada *bukak* [buka] Muzium Seni Asia. Ayah Haji salah *seorey* [seorang] pembekal utama pada dia, mengenai manuskrip. Manuskrip melayu tulisan tangan. Jadi,

mula daripada situ Ayah Haji boleh dikatakan sepenuh masa tumpu kepada ini, hal-hal antik, bahan-bahan sejarah.

**AR : Jadi kiranya Ayah Haji kerja *kat* [di] muzium sebenarnya?**

EA : Jadi, bila Ayah Haji pegang jawatan pengerusi persatuan ini, jadi pihak muzium menawar supaya Ayah Haji menyertai Muzium Kelantan sebagai AJK [Ahli Jawatankuasa], Ahli Jawatankuasa Muzium. Ahli Mesyuarat Muzium tentang koleksi muzium, menilai penilaian. Itu, Ayah Haji terlibat sampai hari ini.

**AR : Jadi, pendorong utama Ayah Haji itu yang macam Ayah Haji cerita tadi?**

EA : *Itulah* [Begitu].

**AR : Seterusnya, sebenarnya macam mana Ayah Haji boleh rasa minat dengan bidang itu?**

EA : Ayah Haji rasa ini, turun temurun boleh jadi, sebab keluarga Ayah Haji ini dia— tok Ayah Haji ini dia, dia *panggil* [gelar sebagai] pegawai istana. Tok, tok. Tok ini dia panggil senior dia *panggil* [gelar sebagai] pedari raja, Haji Wan Ismail nama itu. Waris dia (tunjuk kepada diri sendiri). (Ketawa). Haji Wan Ismail nama tok Ayah Haji ini, dia ini salah seorang dia panggil pedari raja. Bukan bendahari, pedari, P.E.D.A.R.I(mengeja) pedari. Pedari ini tugas dia, dia memakai pakaian tengkolok apa semua pada raja dan dia yang menjaga khazanah-khazanah diraja. Macam itu. Jadi, sejak peninggalan dia ini banyak bahan-bahannya. Senjata, manuskript lama, kain lama apa semua itu. Jadi Pak Cik ini macam apa itu, macam

mewarisi tok nenek.

**AR : Jadi, macam tadi boleh Ayah Haji cerita lagi pasal tugas Ayah Haji *kat* [di] muzium itu.**

EA : Tugas Ayah Haji setiap kali mesyuarat. Kita selalu bincang di muzium itu. Ayah Haji masuk dalam jawatan kuasa muzium. Untuk mengkaji, membuat aktiviti muzium, dan kita kerap mengadakan pertandingan keris bersama dengan muzium dan pameran senjata lama. Jadi boleh dikatakan hal-hal senjata warisan melayu ini, muzium letak atas Ayah Haji, tugas ini.

**AR : Berapakah tempoh perkhidmatan Ayah Haji *kat* [di] muzium *itu*?**

EA : Dia tiga tahun sekali, tiga tahun sekali. Maksudnya selepas tiga tahun dia lantik *pulak* [pula], selepas tiga tahun dia lantik *pulak* [pula] macam itu.

**AR : Oh, dia tukar-tukar orang?**

EA : *Tak* [tidak], *tak* [tidak] tukar. Dia *contract* [kontrak] tiga tahun sekali.

**AR : Oh, *lepastu* [selepas itu], habis tiga tahun dia sambung lagi?**

EA : Sambung balik, sambung sambung sambung sampai harini (ketawa).

**AR : Jadi boleh saya tahu jumlah pendapatan Ayah Haji?**

EA : Ayah Haji ini *gini* [begini], benda itu *personal* [peribadi], tapi hal muzium ini Ayah Haji boleh bagi tahu. Elaun. Elaun setiap mesyuarat itu adalah *daley* [dalam] dua, tiga ratus. Macam itu. Di samping itu pencen Pak Cik *tak* [tidak] banyak

mana. *Macey* [macam] Ayah Haji pegawai rendah ini takkan nak tinggi (ketawa).

**AR : Ayah Haji ini pesara kerajaan?**

EA : Kerajaan.

**AR : Siapakah ketua atau bos Ayah Haji?**

EA : Pengarah pelajaran, *pasai* [kerana] Ayah Haji kerja di bawah jabatan *pelajarey* [pelajaran].

**AR : Jabatan pelajaran, cikgu?**

EA : Bukan bukan. Ayah Haji dalam perkeranian.

**AR : Macam tadi Ayah Haji ada cerita pasal muzium itu muzium Kelantan itu. boleh bagi tahu lokasi dia *kat* [di] mana? Sebab dalam Kelantan ini banyak muzium.**

EA : Dia dalam Kelantan ini ada banyak. Ada lima. muzium nelayan, muzium senjata, muzium adat, muzium negeri, ada banyak, lima.

**AR : Semua Ayah Haji *gi* [pergi] belaka?**

EA : *Tak* [tidak] dia satu *ja* [sahaja] ada. Ayah Haji ini di bawah satu ibu pejabat. Jadi lima-lima ini di bawah satu pejabat.

**AR : Jadi sepanjang perkhidmatan *itu* memang Ayah Haji boleh kata puas hati?**

EA : Ayah Haji gembira. seronok.



**AR : Sebab minat.**

EA : Minat Ayah Haji. Pasal minat, satu *ja* [sahaja]. (Ketawa) (bunyi batuk) kita kalau kata minat *okay* [baik].

**AR : Apakah kejayaan Ayah Haji sepanjang tempoh perkhidmatan itu?**

EA : Dalam kerajaan?

**AR : Dalam kerajaan (bunyi batuk) ataupun boleh cerita yang kerajaan itu, yang muzium.**

EA : Maknanya apa ini *mende-mende* [perkara-perkara] yang telah berlaku? Jadi, *hok* [yang] kita kira *rare* [jarang]? Jadi yang Ayah Haji seronoknya bila Ayah Haji dilantik sebagai pengerusi tahun 2006, Ayah Haji telah menyiapkan satu buku. Buku senjata warisan melayu. Rahsia senjata warisan melayu. Tiga ratus lebih muka surat. *Hard cover* [kulit keras]. Semua muzium beli. Di UM [Universiti Malaya] apa— Machang, mungkin ada di *library* [perpustakaan]. Nama Ayah Haji ada. Ayah Haji sebagai pengerusi dan aluan ada lima *itu* termasuk Dr. Rakyatin *pastu* [selepas itu] Ketua Pengarah Muzium Negara, Dato Adi Taha dulu. Pengarah Muzium Kelantan, Mufti Kelantan, Pengarah Kebudayaan Negeri Kelantan dan termasuk Ayah Haji. Aluan dalam buku itu dan buku itu buku pertama yang dihasilkan oleh bukan kerajaan. Jadi, dikeluarkan oleh persatuan. Buku pertama, itu. Itu yang Ayah Haji *tak* [tidak] boleh lupakan. Kenangan Ayah Haji. *Tapi* [tetapi] *takdak* [tidak ada] rezeki buku itu *habih* [habis]. Ayah Haji sendiri pun tinggal *sebutir* [sebuah] itu semua *dah* [sudah] *edit* [sunting] *belaka*

[semua] *dah* [sudah] nak buat lain *pulak* [pula]. Buku itu, *tapi* [tetapi] di *library* [perpustakaan] ada. Semua di *library* [perpustakaan] seluruh Malaysia, semua universiti ada buku itu. Boleh cari, boleh rujuk. Panggil buku kuning, Rahsia Keris dan Senjata Warisan Melayu dan di situ, buku itu Ayah Haji buat satu kenyataan bahawasanya, *pasal* [sebab] begini, *pasal* [sebab] ada satu *lecturer* [pensyarah] di Kuala Lumpur, *lecturer* [pensyarah] *ini* bukan orang melayu. Dia tanya Ayah Haji, dia kata buat buku ini rujuk daripada mana? Contoh dia kata, buku Stanford Raffle. Karya Standford Raffle *hok* [yang] Senjata Warisan Melayu. Ayah Haji kata, “Saya nak tahu Prof, Standford Raffle itu orang apa? *Orey gapodio* [orang mana]?” (Ketawa). “*Orey putih* [orang Barat].” “Ha! ini senjata siapa? ini *hok* [kepunyaan] saya orang Melayu. Saya *record* [catat] daripada generasi kepada generasi, saya buat buku mengikut catatan orang tua-tua dulu. Mengapa saya nak rujuk dengan orang putih? Ini buku kita, patutnya dia yang rujuk dengan saya. Buku karya orang Melayu nih.” “Ya betul.” Dia kata, baru dia mengaku. Ada penjelasan Pak Cik *concrete* [kukuh] dalam buku itu. Kalau boleh tengok buku itu bertuah. Sekarang ini buku Pak Cik itu menjadi rujukan semua universiti di Malaysia.

**AR : Bila bercakap mengenai ini, seni-seni purba warisan?**

EA : Ha, dan Pak Cik beritahu sepanjang apa nama, Pak Cik terlibat dalam persatuan dan muzium, kita pernah buat aktiviti besar di Kuala Lumpur. Bersama dengan muzium negara. Tahun ke berapa *tak* [tidak] ingat. Kita buat pameran, bengkel dan pertandingan keris dan Pak Cik jugak telah diundang oleh Kesultanan Kedah.

Pertabalan Kesultanan Kedah, dia panggil kita. Dia panggil *puok-puok* [kumpulan] Pak Cik. Pak Cik yang mengetuainya. Untuk pameran senjata, (bunyi ayam berkokok) pameran senjata--- senjata terpilih, dan banyak lagi, (bunyi ayam berkokok) sampai raja itu. Boleh *record* [rakam]?

**AR : Boleh-boleh.**

EA : Sampai raja itu *tak* [tidak] tutup mata melawat--- (bunyi ayam berkokok). Seronok dia. *Gitu* [begitu]. Itu antara kenangan-kenangan Ayah Haji (bunyi ayam berkokok) yang tak boleh dilupakan.

**AR : Buku itu Ayah Haji *amik* [ambil] masa berapa lama nak buat?**

EA : Empat tahun.

**AR : Empat tahun?**

EA : Kita jual 250.

**AR : Naskah?**

EA : Satu naskah, sekarang ini lima ratus orang nak bayar, kalau ada lagi (bunyi ayam berkokok). *Apo suko* [suka apa]? (melihat ke arah rakan penemubual).

**AR : Tak bunyi *ayang* [ayam].**

EA : Bunyi *aye* [ayam] (ketawa).

**AR : Boleh tahu apakah cabaran dan dugaan yang Ayah Haji hadapi, mungkin**

**sebagai pesara kerajaan satu yang Ayah Haji cerita.**

EA : Ayah Haji *takdok* [tidak ada] banyak cabaran. Semua yang Ayah Haji kemuka dalam mesyuarat muzium dan apa-apa aktiviti di persatuan. Masa kita buat bengkel apa-apa semua *itu*. (bunyi ayam berkokok) Semua boleh terima. *Takdok* [tidak ada] *complain-complain* [aduan] dan kita buat pertandingan pun *takdok* [tidak ada] *complain* [aduan].

**AR : Jadi sepanjang Ayah Haji berkhidmat, mungkin sebagai pesara kerajaan *itu* adakah Ayah Haji pernah mendapat anugerah?**

EA : Ada dapat sekali.

**AR : Anugerah apa itu Ayah Haji?**

EA : Khidmat cemerlang kiranya. Dulu dia panggil--- (ketawa). Tak berapa sen dapat.

**AR : Ada sijil?**

EA : Ada. (ketawa) bengkel, nak buat pertandingan keris apa semua, Ayah Haji boleh. Kalau Machang nak *join* [sertai] bengkel, boleh.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH DAN ASAL USUL PERSATUAN SENI PURBA DAN KRAFTANGAN KELANTAN**

**AR :** Ok, seterusnya kita nak pergi kepada, sejarah dan pengalaman Ayah Haji sebagai Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan, macam tadi Ayah Haji ada cerita banyak, jadi yang ini kita nak tahu lagi *detail* [mendalam], orang kata.

EA : Ha, *detail* [mendalam].

**AR :** Jadi, *first* [pertama] kami *nak* [mahu] tahu, sejarah dan asal usul Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan.

EA : Jadi, Ayah Haji ini *tuo* [tua], takut tak ingat. *Terlupo* [terlupa]. Satu lagi *hok* [yang] Ayah Haji rasa benda ini *takleh* [tidak boleh] lupa. Skema pertandingan keris, adalah di olah oleh persatuan Ayah Haji. Kita nak bertanding keris ini, kalau *takdak* [tidak ada] skema *tak* [tidak] boleh. Jadi *kacau* [berterabur]. Contoh, markah mata berapa, hulu berapa, pedokok berapa, pamor-pamor macam mana. Semua ada markah. Jadi skema itu dikeluarkan oleh persatuan Pak Cik. Skema pertandingan. Jadi skema itu digunapakai seluruh Malaysia.

**AR :** Sampai sekarang?

EA : Sampai sekarang, hasilnya daripada Kelantan. (Bunyi ayam berkokok) itu *hok* [yang] Ayah Haji tak boleh lupa.

**AR :** Jadi, boleh tahu tarikh penubuhan persatuan?

EA : Penubuhan tahun 1986.

**AR : Jadi, macam mana boleh adanya nama *itu*. siapa yang reka nama *itu*?**

EA : Masa *itu* Ayah Haji muda lagi. Ayah Haji macam *ini* (menunjuk ke arah penemu duga) muda lagi. Jadi, *hok* [yang] peringkat tua banyak lagi. Jadi, ini terbit daripada orang tua-tua. Dia kata dia *cadey* [cadang]. Dia *cadey* [cadang] *molek* [elok] nama *ini* Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Negeri Kelantan. Jawatan kuasa bersetuju dengan nama *itu* buatlah logo keris persatuan apa semua.

**AR : Logo *itu* siapa *design* [reka bentuk] Ayah Haji?**

EA : Itu bekas pengerusi pertama kita, nama Cikgu Ya. Dia tokoh melukis dan banyak lagi. Mungkin adik ini tahu cikgu ini? (melihat ke arah rakan penemubual) Arwah Cikgu Ya. Cikgu Zakaria ni dia— *Ok*, dia yang, karangan dia buku *ini*. Dia *collector* [pengumpul], dia pengkaji, dia pelukis. Tiga itu ada dengan dia. Tiga karier itu ada dengan dia. Kalau *takdak* [tidak ada] dia jugak Ayah Haji *takleh* [tak boleh] buat buku.

**AR : Jadi, tujuan utama persatuan ini apa sebenarnya Ayah Haji?**

EA : Tujuannya kita nak kumpul ahli-ahli supaya ahli-ahli yang baru biar dia kenal senjata, nama senjata, lama, baru, tiruan. Ini *pokoknya* [sebabnya]. Sebab itu kita tubuh persatuannya supaya *orey* [orang] muda-muda ini kenal. Kenal seni senjata warisan melayu kita. Dan nama-nama, pamor-pamor nya, biar tahu.

**AR : Jadi pengasas utama persatuan ini?**

EA : Pak Cik salah satu *orey* [orang]. *Pahtu* [selepas itu] dia ada lagi tiga belas *orey* [orang] lagi.

**AR : Oh, ahli lembaga?**

EA : Ahli pentadbir, ahli jawatankuasa. Penaja.

**AR : Apakah nilai atau prinsip utama yang dipegang oleh pertubuhan ini Ayah Haji?**

EA : *Supo* [seperti] yang Ayah haji beritahu ini. Jadi kita nak mengekalkan prinsip *nak* [mahu] mengekalkan identiti senjata warisan melayu itu. Contoh, dihasilkan daripada Kelantan. Keris Tok Chu. Daripada Kelantan itu. Keris Pandai Saras. Keris Kelantan. Jadi kita nak mengekalkan dan sekarang ini kita usaha dengan kementerian. Untuk *nak* [mahu] *pattern* [corak]. *Nak pattern* [corak] Keris Tok Chu itu sebagai keris Kelantan. Dalam proses. Sebabnya kita takut *orey* [orang] curi. *Orey* [orang] negeri lain mengaku. Padahalnya Tok Chu itu daripada *Kelatey* [Kelantan]. *Gitu* [begitu].

**AR : Jadi bagaimana process pemilihan pemimpin atau ahli lembaga?**

EA : Dulu dua tahun sekali. Kita buat mesyuarat agung tiap-tiap tahun. Tapi pemilihan dua tahun sekali dulu. Sekarang ini kita lanjut pada lima tahun sekali. Jadi pemilihan ini lima tahun dalam mesyuarat agung. Pilih jawatankuasa.

**AR : Jadi sekarang ini berapa orang ahli yang aktif dalam persatuan.**

EA : Lebih *kurey* [kurang] satu ribu.

**AR : Dalam Kelantan?**

EA : Seluruh malaysia. Singapore ada, thailand ada. Sabah Sarawak tak kira dan persatuan seni purba ini yang pertama. Kelantan yang tubuh. *Lepas* [selepas] *Kelatey* [Kelantan], *Teganu* [Terengganu], *lepas* [selepas] *Teganu* [Terengganu], Pinang, *lepas* [selepas] Pinang, Pahang, *lepas* [selepas] Pahang, Melaka. Dia ikut *Kelatey* [Kelantan] *belaka* [semua] itu.

**AR : Kelantan ini kira pendorong.**

EA : *itu* dia. *Gapo-gapo* [apa-apa] bukan Ayah Haji nak angkat orang *Kelatey* [Kelantan]. *Gapo-gapo* [apa-apa] *Kelatey* [Kelantan] dulunya. Orang lain, ikutlah.

**AR : Jadi, bagaimana pertubuhan melibatkan ahli dalam aktiviti?**

EA : Kita selalu buat bengkel. Bengkel senjata. Bengkel senjata kita buat tunjuk cara nak kenal senjata ataupun kita buat bengkel pengadilan. Cara-cara *nak* [hendak] jadi pengadil. Jadi kita buat dalam bengkel. Aktiviti kita untuk ahlinya dan lain-lain lagi pameran. Bersama dengan muzium. Kita ada *sokmo* [selalu] pameran *itu*, pameran keris lama, keris baru. Macam kraf itu *hok* [yang] baru. Kita panggil kraf-kraf *itu* maknanya keris buat baru.

**AR : Bengkel itu biasanya buat *kat* [di] mana Ayah Haji.**



EA : Biasanya kita buat di muzium.

**AR : Ada tempat dia?**

EA : Tempat dia. Jadi macam persatuan Pak Cik ini, Ayah Haji ini macam anak muzium. (bunyi batuk) Macam anak muzium. *Lagutu* [begitu]. Anak muzium, anak angkat muzium.

**AR : Pameran itu buat dekat [di] muzium juga?**

EA : Semua muzium. Sebab dari segi kewangannya, muzium yang *support* [sokong].

**AR : Oh!**

EA : Kita persatuan ini, *takdok* [tidak ada] belah mana, *fund-fund* [dana-dana] *tak* [tidak] banyak.

**AR : Jadi untuk cari ahli itu Ayah Haji...**

EA : *Sekarey* [sekarang] ini kita tak cari.

**AR : Oh, tak cari?**

EA : *Orey* [orang] minat mari masuk. Dulu-dulu kita pelawa, masuk ahli--- sekarang *tak dah* [sudah tidak]. Sekarang kita pilih. Nak jadi ahli kita siasat dulu *molek* [elok] *ka* [atau] *dok* [tidak], latar *belakey* [belakang] dia macam mana. Kalau dia jenis nak kad *saja* [sahaja], sebab dalam kad itu boleh *bawok* [bawa].

**AR : Kad?**

EA : Dalam kad itu boleh *bawok* [bawa], boleh pameran, boleh gali. Macey-macey [macam-macam]. Jadi penting kad itu bagi orang suka main keris-keris. Minat keris. Supaya bila dia *bawak* [bawa], kalau polis *tahey* [tahan] dia boleh cerita, “Saya ini ahli persatuan, ini kijo [kerja] saya jual beli.” *Pastu* [selepas itu] lepas. Jadi sekarang ini, Ayah Haji *tak* [tidak] kempen, diorang sendiri *mari* [datang]. Bulan ini berapa *orey* [orang] *dah* [sudah] masuk (ketawa).

**AR : Dia daftar itu *guane* [bagaimana] itu Ayah Haji?**

EA : Persatuan Ayah Haji ini satu *saja* [sahaja] ahli. Ahli seumur hidup dia *panggil* [gelar]. Ahli seumur hidup dua ratus dua puluh yuran dia. Seumur hidup.

**AR : Dia sekali *bayor* [bayar] *je* [sahaja]?**

EA : Sekali bayar. Sekali bayor [bayar] (ketawa).

**AR : Jadi, apakah perancangan ataupun latihan macam Ayah Haji cerita ada buat bengkel?**

EA : Bengkel. Selalu kita buat bengkel, pameran. Itu *je* [sahaja] dua *itu*.

**AR : Jadi bengkel *itu* ada sediakan macam makan minum ke?**

EA : Mesti, makan minum mesti. Sijil *pun* [juga] kita keluar, sijil penyertaan. Hebat jugak itu *dak* [bukan]?

**AR : (Mengangguk kepala) Jadi kalau buat bengkel ini memang kena libatkan semua orang?**

EA : Kena jemput semua.

AR : **Kiranya ada— group *WhatsApp* ke?**

EA : Ada, ada. Group whatsapp ada.

AR : **Kira semua komunikasi dalam itu?**

EA : Dalam itu *belaka* [semua], ada apa-apa kita nak bagi tahu perkembangan apa-apa, kita masuk *group WhatsApp*.

AR : **Jadi aktiviti atau program utama itu macam Ayah Haji cerita, bengkel, pameran---**

EA : Bengkel, pameran, lepastu kita memenuhi permintaan daripada luar, (bunyi batuk) Istana Kedah apa semua, dia suka *nak* [mahu] *tengok* [lihat] senjata lama apa semua, kita pergi. Dia *support* [sokong] semua.

AR : ***Transport* [pengangkutan] semua itu?**

EA : Semua, elaun kasut pun dia bagi lagi (ketawa).

AR : **Kita *gi* [pergi] *je* [sahaja]?**

EA : *Gi* [pergi] *je* [sahaja], bawa senjata *je* [sahaja].

AR : **Jadi biasanya, peringkat macam aktiviti macam pameran semua itu biasanya dijalankan *dekat* [di] peringkat mana? (bunyi barang perkakas dapur)**

EA : (tidak dengar)

**AR : Peringkat daerah?**

EA : Negeri. Peringkat negeri dan kalau ikut (bunyi barang perkakas dapur) *dah* [sudah] kita jemput semua dalam negeri. Peringkat negeri *tapi* [tetapi] disertai lain-lain negeri daripada Kedah, daripada Perak, Pinang *mari* [datang] *belaka* [semua].

**AR : Antarabangsa ada tak Ayah Haji?**

EA : Ya?

**AR : Antarabangsa?**

EA : Satu kali kita buat di muzium negara. Satu kali *je* [sahaja]. Itu di peringkat nasional.

**AR : Jadi biasanya kalau nak buat keputusan apa-apa dalam persatuan *ini* melalui apa Ayah Haji? Mesyuarat?**

EA : Dalam mesyuarat jawatankuasa. Kalau benda *itu* kena bawa dalam mesyuarat agung, kita bawa ke mesyuarat agung daripada AJK.

**AR : Jadi, selain daripada *group WhatsApp* tadi, persatuan *ini* ada macam *instagram hok* [yang] *nak* [untuk] promosi?**

EA : Kita buat dalam itu *ja* [sahaja], dalam *group whatsapp* itu *ja* [sahaja], sikit-sikit *gitu* [begitu]. Sebab *gini* [begini], kita *takdak* [tidak ada] jawatankuasa yang

berkemahiran sangat. Jadi Pak Cik yang kayuhnya. Itu lelah jugak *sorey* [seorang] (ketawa). Itu ada dua tiga *orey* [orang] lagi. *Kijo* [kerja] ini, *kijo* [kerja] sukarela, *gitu* [begitu] lebih kurang. Tapi banyak orang tanya melalui Pak Cik hal-hal senjata. Banyak jugak.

**AR : Jadi selain daripada muzium, pertubuhan ini ada tak bekerjasama atau berkolaborasi dengan persatuan-persatuan lain?**

EA : Ha memang, kita *join venture* [usahasama]. Misalnya kata *Teganu* [Terengganu] *nak* buat, kita *join* [sertai] dia. Kuala Lumpur, Penang, ini Penang ini buat *dah* [sudah]. Enam belas hari bulan ini di Penang. Kita ada bagi sumbangan jugak. Sumbangan berupa pengadil, kita hantar *gi* [pergi]. Ayah Haji *tak gi* [tidak pergi], sibuk (ketawa).

**AR : (ketawa) Jadi, boleh Ayah Haji boleh bagi tahu *tak* [tidak] macam nama persatuan itu ke? Ke memang muzium *je* [sahaja] biasanya?**

EA : Yang mana dia?

**AR : Yang persatuan yang kolaborasi itu.**

EA : Kebanyakan persatuan, Persatuan Seni Purba Penang, Persatuan Seni Purba Selangor, Terengganu.

**AR : (Bunyi batuk) jadi boleh---**

EA : (Suara isteri Encik Alwi menyapa tetamu)

**AR : Seterusnya, apakah impian besar yang ingin dicapai oleh persatuan?**

EA : Jadi, impian Pak Cik sebagai pengerusi yang belum tercapai lagi sebagai pengerusi salah satunya, kita *takdak* [tidak ada] pejabat. Pejabat masih belum ada. Sebabnya kita nak mengadakan pejabat *ini* melibatkan duit, *pitih* [duit]. Tetapi oleh kerana Pak Cik jawatankuasa muzium besar kemungkinan Pak Cik *dah* [sudah] mesyuarat dengan pegawai-pegawai muzium, pengarah muzium, jadi besar kemungkinan muzium di Kota Bharu [Kelantan] itu, ibu pejabat itu dia nak, bukan nak pindah, yang sebelah muzium *itu* pejabat daerah Kota Bharu [Kelantan]. Pejabat kerajaan. Dia nak pindah bangunan *itu* dia akan jadikan muzium. Bertambah besar muziumnya. Jadi satu ruang *itu* dia janji nak bagi ke persatuan. Untuk dijadikan pejabat. Itu *saja* [sahaja]. (Bunyi batuk) Boleh Ayah Haji usaha.

**AR : Apakah cabaran utama?**

EA : Semenjak Pak Cik menjadi pengerusi, *takdak* [tidak ada] pernah ada cabaran, tak ada. Semua yang *seney* [senang] *belaka* [semua]. Pasal kita buat ini bukan buat main-main. Kita buat dengan cara yang betul. Kita bertindak hal-hal senjata lama apa semuanya dengan skema-skema semua kita adakan dengan lengkap. Jadi, menyebabkan tak adalah. Tidak ada *complain* [aduan], Tak ada.

**AR : Jadi adakah pertubuhan ini, pernah menerima anugerah?**

EA : Tak pernah, tak pernah, patut ada.

AR : Sijil-sijil ada?

EA : Sijil kepada pengerusi itu adalah, sijil menghadiri *gapo-gapo* [apa-apa] ada.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

#### BAHAGIAN 5: PENGALAMAN SEBAGAI PENERUSI PERSATUAN SENI PURBA DAN KRAFTANGAN KELANTAN

MA : *Okay* [baiklah], saya akan ke *section* [bahagian] seterusnya iaitu pengalaman sebagai Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan. Soalan pertama, adakah encik memilih atau dipilih untuk menjadi pengerusi persatuan ini?

EA : Ayah Haji bukan hendak, *orey* [orang] nak ke Ayah Haji. *Orey* [orang] minat ke Ayah Haji. (ketawa)

MA : **Jadi---**

EA : Ayah Haji *toksey* [tidak mahu]. Serabut *jugok* [juga] jadi pengerusi, *bebey* [beban] besar. Tapi *hat* [yang] tadi kita cakap saja suka-suka, tapi sebenarnya dipilih oleh jawatankuasa.

MA : **Yang dipilih oleh jawatankuasa sendiri?**

EA : *Start* [mula] 2006, Dalam mesyuarat jawatankuasa itu, mesyuarat agung itu, di

situ buat pemilihan Ayah Haji sebagai pengerusi.

**AR : Jadi, kiranya pengalaman Ayah Haji yang menjadikan Ayah Haji sebagai pengerusi? Kiranya orang tengok daripada pengalaman? Ke [atau] macam mana?**

EA : Mungkin salah satu.

**AR : Salah satu faktor?**

EA : Sebabnya Ayah Haji minat *mende-mende* [perkara-perkara] *gini* [begini]? [bukan]. Jadi, *orey* [orang] pun dia tengok, ada *pengalamey* [pengalaman] hal senjata, patut dipilih, ikut. Salah satu sebab.

**AR : Jadi, sepanjang Ayah Haji jadi pengerusi, Ayah Haji ada pengurus ke [tak]?**

EA : Tidak ada.

**AR : Tidak ada. Semua Ayah Haji sendiri belaka?**

EA : Kita punya setiausaha ada. Setiausaha persatuan. Tapi, kebanyakannya Ayah Haji ambil berat belaka, tahu belaka. Setiausaha mungkin Ayah Haji *royak* [bagitahu] *hok* [yang] sudah *doh* [siap] *je* [sahaja]. Suruh buat, *gitu* [begitu] sahaja. Arahan. Jadi, apa-apa Ayah Haji kendali.

**AR : Jadi, skop tugas Ayah Haji sebagai pengerusi banyak?**

EA : *Banyak* [banyak]. Ayah Haji *kene* [kena] ambil tahu daripada *bowoh* [bawah] sampai atas. Kalau tidak tak hidup persatuan. Kalau kita, nama *je* [sahaja]



pengerusi *steady* [tetap], tak jadi. Kena ambil tahu.

**AR : Jadi cara Ayah Haji nak ambil tahu, kiranya Ayah Haji *contact* [hubung] orang-orang bawah, macam mana?**

EA : Kita--- dalam mesyuarat.

**AR : Dalam mesyuarat (angguk kepala).**

EA : Dalam mesyuarat jawatankuasa. Ayah Haji akan bagi tugas- bagi tugas masing-masing.

**AR : Jadi, sepanjang Ayah Haji jadi pengerusi, macam tadi Ayah Haji cerita ada banyak pertandingan keris---**

: Ayah Haji rasa- pertandingan keris kita buat ada dalam sepuluh kali baru---

**AR : Oh, banyak--- [kagum]**

EA : Sepuluh kali, dan bengkel- bengkel *banyak* [banyak], bengkel \_\_ kali (angguk kepala).

**AR : Jadi, program-program yang Ayah Haji buat memang biasanya berkaitan dengan seni purba dan kraftangan?**

EA : Berkaitan dengan senjata *warisey* [warisan].

**AR : Senjata warisan (angguk kepala).**

EA : Kebanyakannya itu.

**AR : Jadi buat masa sekarang, apa projek yang paling terdekat?**

: Yang terdekat sepatutnya tahun ini *key* [kan], sebelum bulan dua belas kita *nok* [mahu] buat *pertandingey* [pertandingan]- dan keris- dan pameran. Tapi, *masaloh* [masalah] banyak baru ini, pilihan raya, *macey-macey* [macam-macam] sekali. Jadi kena tunda tahun *depey* [depan]. Mungkin bulan satu. Dulu, ingat tak di *Kubey Keriey* [Kubang Kerian, Kelantan] ada buat satu temasya keris- anjuran Dato' Salim. Besar buat. *Hat* [yang] itu di bawah Ayah Haji tapi Ayah Haji *gi* [pergi] *Mekah* [Arab Saudi]. Ayah Haji lepas *ke* [kepada] orang lain- projek itu. Besar (gembira).

**AR : Kiranya Ayah Haji pengerusi, ada timbalan pengerusi?**

EA : Kita ada Naib Pengerusi satu, Naib Pengerusi dua, dua *orey* [orang].

**AR : Setiausaha?**

EA : Setiausaha *sorey* [seorang]. Penolong Setiausaha.

**AR : Jadi bagaimana persatuan Ayah Haji ini membangun dan menjaga hubungan dengan orang-orang *luor* [luar], maksudnya ada ahli korporat *ke*?**

EA : Kita *takde* [tiada] hubung sangat. *Diorang* [mereka] *duk* [yang] hubung kita.

**AR : *Diorang* [mereka] yang cari?**

EA : Sebabnya sesetengah ahli korporat dia ada buat koleksi *jugok* [juga]- jadi bila terlibat dengan koleksi dia nak tanya, dia nak hubungi kita nak tanya. Contoh

*barey* [barang] *hok* [milik] dia molek *ke* [atau] *dok* [tidak], boleh beli *berapo* [berapa], misalnya kata. Jadi, itu cara *gitu* [begitu] *je* [sahaja].

**AR : (Helaian kertas diselak). Jadi, kiranya persatuan disokong pembangunan dalam bidang seni purba melalui program-program bengkel, pameran---**

EA : Bengkel, *pamerey* [pameran]. Banyak. (Angguk kepala)

**AR : Jadi sebagai pengerusi, macam mana Ayah Haji macam bagi motivasi atau pun tolong ahli lembaga pentadbiran?**

EA : Ayah Haji satu *je* [sahaja], kita sebagai pengerusi kita kena ada komitmen sendiri-jadi kita kena ada ketegasan pun ada, tolak ansur pun kena ada, tapi idea-idea itu biar kita boleh kemuka.

**AR : Jadi, apakah langkah-langkah yang Ayah Haji boleh buat sekarang ini untuk meningkatkan lagi ahli dalam kelab persatuan itu?**

EA : Maksudnya nak menambah *ke*?

**AR : Ya, menambah.**

EA : Macam Ayah Haji kata *takdi* [tadi], kita tak kempen- banyak *telepon* [menghubungi] Ayah Haji nak jadi ahli *lagu mana* [bagaimana]. Kena isi *borey* [borang] *ke*. *Lagu tu* [begitu].

**AR : Jadi untuk meningkatkan sumber kewangan persatuan ini melalui---**

EA : Biasanya kita dapat daripada muzium, *lepastu* [selepas itu] penaung kita itu *orey*

[orang] besar politik, kita lantik dia sebagai penaung, macam *leleni* [sekarang], penaung kita Dato' Major Anizam. Dia Exco Kebudayaan kan? Jadi dia yang selalu bantu persatuan kita ini, persatuan Ayah Haji ini. Jadi muzium pun bantu *jugok* [juga], sekali. Jadi sekarang ini, (bunyi orang batuk) bertukar portfolio, Dato' Anizam bertukar *ke* [kepada] exco lain *dah* [sudah]. *Hok* [yang] *tu* kita *duk* [sedang] *rusing leni* [sekarang]. Exco baru takut dia tak minat. Kalau dia minat *takpe* [tidak mengapa] takut dia itu *gitu-gitu* [begitu] *je* [sahaja]. Kita kena *gitu* [begitu], kena cuba, cuba *tackle* [berdepan] dia *pulok* [pula]. (Ketawa kecil).

**AR : Jadi bagi Ayah Haji, pengerusi persatuan ini memang satu *benda* [perkara] yang sulit atau pun *benda* [perkara] yang Ayah Haji rasa macam suka?**

EA : Suka- dan Ayah Haji rasa, Ayah Haji gembira sebab dalam masa dekat dua puluh tahun ini persatuan *okay* [baik], tiada apa-apa, membangun. Jadi kita *toksey* [tidak mahu] tidur.

**AR : Jadi selama Ayah Haji jadi pengerusi persatuan ini, macam Ayah Haji *citer* [cerita] tadi Ayah Haji buat buku---**

EA : Buku- buku *pahtu* [selepas itu] kita ada buat buletin---

**AR : Buletin. (Angguk kepala)**

EA : Nanti *lepasni* [selepas ini] saya bagi satu keping buletin.

**AR : Boleh, memang kita---**

EA : Hadiah.

AR : **(Ketawa).**

EA : Itu buletin pertama. Yang kedua tak buat lagi pasal kita *gini* [begini] (sambil membuat isyarat duit).

AR : **Kena ada duit.**

EA : Banyak *jugok* [juga] nak guna duit. *Pahtu* [selepas itu] benda itu *takdok* [tidak] jual. Kita bagi kepada ahli-ahli. Nanti Ayah Haji bagi satu.

AR : **(Ketawa).**

MA : **Boleh.**

EA : Kongsi-kongsi .

AR : **Jadi, pada pendapat Ayah Haji memang kiranya persatuan ini \_\_ macam Ayah Haji cerita tadi, saya boleh kata persatuan ini pun memang dapat sambutan orang ramai.**

EA : Memang. *Memey* [memang]. Seronok. Bila ada persatuan ini orang seronok. Orang *mudo-mudo* [muda-muda] *hok* [yang] minat senjata apa semua jadi *reti* [pandai]. Daripada *dok* [tak] *reti* [pandai] jadi *reti* [pandai]. Banyak tak *reti* [pandai] kena tipu pun ada (ketawa).

AR : ***Nape-nape* [apa pun] kena berguru maksudnya.**

EA : Tu nombor satu (teruja).

AR : **Jadi, bagi Ayah Haji, adakah persatuan ini mampu menaikkan martabat warisan seni purba?**

EA : *Memey* [memang], Insya-Allah. Kita memang ikut itu. Ke arah itu kitanya. Kita nak menaik- senjata warisan melayu. *Toksey* [tidak mahu] *wi* [beri] orang perlekeh. Adik tahu satu bilah senjata *hok* [yang] *molek* [elok] berapa? *Orey* [orang] bayar. Sampai 100 ribu sebilah.

AR : *Okay* [baiklah].

## TAMAT BAHAGIAN 5

### BAHAGIAN 6: PENGALAMAN SEBAGAI PENGUMPUL KERIS

AR : *Okay* [baiklah]. Macam yang kita berurusan *haritu* [hari itu], Ayah Haji *bagitahu* [beritahu] yang Ayah Haji merupakan pengumpul keris? Jadi sekarang ini kita nak tahu Ayah Haji punya pengalaman sebagai pengumpul keris. *Kitaorang* [kami semua] pun memang tak tahu banyak pasal warisan keris. Jadi soalan pertama, mengapakah Ayah Haji memilih untuk menceburkan diri sebagai pengumpul keris?

EA : Jadi *supe* [serupa] Ayah Haji cerita *takdi* [tadi] mungkin kerana Ayah Haji ini *orey* [orang] panggil *pesaka* [pewaris] turun-temurun- daripada *tok* [datuk] nenek, *tok* nenek ni dia suka *benda-benda* [perkara-perkara] *gini* [begini] jadi Ayah Haji pun jadi *macey* [macam] jangkit orang kata jangkit ke (bunyi orang ketawa) *anok* [anak] cucu . Minat jadi jangkit ke anak cucu.

**AR : Ayah Haji rasa berapa lama *doh* [sudah] Ayah Haji jadi pengumpul keris?**

EA : Ayah Haji umur dua puluh. Lima puluh tahun (ketawa kecil).

**AR : *Baya-baya* [sebaya] kita.**

EA : (Teruja) *leni* [sekarang] adik berapa umur?

**AR : Dua puluh satu.**

EA : Serupa (bunyi orang ketawa). Ayah Haji mula lawan (ketawa). *Memey* [memang] setara. *Rato-rato* [merata] *gi* [pergi] cari keris.

**AR : Ayah Haji kiranya dengan kawan-kawan *masatu* [ketika itu]?**

EA : *Berderak* [keluar berjalan]. *Orey* [orang] kata mana keris ada. *Gi* [pergi]. Thailand *rata* [merata] *gi* [pergi] cari keris, cari manuskrip.

**AR : Kiranya faktor utama memang sebab minat Ayah Haji?**

EA : Minat *lepastu* [selepas itu] *orey* kata satu *income* [pendapatan] juga \_\_\_ antik jadi kalau minat sahaja tak masuk tak jadi [berhasil]. *Lagu tu* [seperti itu] Ayah Haji pun jual beli. Ada *hok* [yang] boleh *tendang* [jual] kita *tendang* [jual]. *Hok* [yang]

*tokleh* [tidak boleh], *not for sale* [bukan untuk dijual]. *Gitu* [begitu]. Untuk anak-anak kita, buat pesaka.

**AR : Jadi boleh Ayah Haji kongsi *dok* [tak] jenis-jenis keris yang Ayah Haji ada sekarang *ni*? Berapa banyak---**

EA : Ayah Haji sebenarnya Ayah Haji melihat keris puluh ribu. Dari situ pengalaman, pengalaman *menengok* [melihat], melihat- jadi Ayah Haji kalau masuk universiti dia banyak teori, praktikal *takdok* [tiada]. *Gitu* [begitu] *dok* [bukan]? Tapi Ayah Haji *ni* praktikal, sebab keris ini kita nak belajar *daley* [dalam] buku tak pandai *pah* [sampai] ke bila. Dia kena tengok *barey* [barang]. *Pe* [seperti] telefon, tengok telefon *comey* [cantik] telefon ada begini-begini dia punya *kelebehey* [kelebihan] dia (sambil memegang dan mempamerkan telefon pintar miliknya). Keris pun *lagu* [seperti] itu. *Pamor* [merujuk kepada corak dalam logam bilah keris] ini pamor, dia kena melihat baru kita ada *pengalamey* [pengalaman]. *Leni* [sekarang] banyak Indonesia buat baru tipu, dia buat pamor *gini* [begini] kalau adik tengok dia kata lama, lama tapi Ayah Haji tengok tak lama. Baru kelmarin. Itu daripada *pengalamey* [pengalaman] *menengok* [melihat] melihat. Itu dia.

**AR : Jadi kegunaan utama keris untuk apa sebenarnya Ayah Haji? (ketawa)**

EA : Banyak (teruja). Dia *gini* [begini]. (Ketawa). Kita *orey* [orang] melayu kebanyakan *isley* [Islam], *dak* [bukan]? Senjata-senjata *hok* dulu dia buat *bukey* [bukan] buat cara *bodo* [bodoh], maksud Ayah Haji *bukey* [bukan] ambil tukul, bakar, *kong kong kong* (membuat bunyi seperti memukul sesuatu). (Bunyi enjin



motosikal) *Dok* [bukan]. Dia nak boleh buat satu bilah keris ini dia *semayang* [solat] hajat dulu. *Kalu* [kalau] *hok* [yang] lama ini. *Semayang* [solat] hajat dulu, puasa dulu nak buat hari pertama satu *muharey* [Muharram] tu *gapo* [apa] nak mula kerja itu. *Pah* [selepas] cari besi, besi *molek* [elok] bukan besi \_\_\_ pagar ke *dok* [tidak]. Tambah-tambah *arahey* [arahan] raja. Dia dulu raja *tukey* [tukang] dia *pero* [pelihara], dia tak gaji dia *pero* [pelihara], *pero* maksudnya dia *duduk* [tinggal] dalam istana, *makey* [makan] minum dijaga, pakaian dijaga. Maknanya *tukey* [tukang] raja. Jadi raja perintah buat senjata satu senjata kepada beta, buat untuk biar rakyat gerun, rakyat takut berbagai-bagai. Lagi, dia buat bukan buat *saje* [sahaja] dengan *baca'ey* [bacaan] apa semua nak boleh *katok* [tempa]. Itu baca *macey-macey* [macam-macam] sebab itu keris ini dulu-dulu dia ada hikmat. Tidak kata tengok besi tawar. Dia ada *ketanda'ey* [tanda] keris. Tapak gajah ke, *lambey* [lambang] tapak gajah, anak sungai ke, *guard* [penjaga] ke. Macam-macam lagi atas keris itu. Tu *kelebehey* [kelebihan] yang lama. Banyak lagi *gapo* [apa] dia nak huraikan *sari* [satu hari] tak habis.

**AR :** *Takpe* [tidak mengapa] kalau Ayah Haji nak cerita *sikit-sikit* [sedikit-sedikit].

EA : (Ketawa).

**AR :** Adakah terdapat macam peristiwa yang khusus yang mendorong Ayah Haji untuk masuk dalam bidang pengumpul keris ini? Maksudnya mungkin Ayah Haji tengok orang tapi macam Ayah Haji cerita memang minat, bukan?

EA : Minat saja. Minat kepada barang lama. Ayah Haji bukan keris saja, *porcelain* [bahan seramik dibentuk oleh pemanasan], Ayah Haji ada satu bilik di bawah (menunjukkan ke arah belakang rumah) untuk *porcelain* sahaja, macam pinggan mangkuk macam itu (sambil menunjuk jari ke arah pinggan di dalam bingkai gambar). Itu *kecik* [kecil] ada *hok* [yang] besar-besar (sambil membuat isyarat tangan) besar tayar kereta pun ada bawah *nu* [sana]. Tapi nak *gi* [pergi] dalam bilik itu boleh tapi baru lepas banjir. Ayah Haji *duk* [sedang] *sipey* [mengemas] apa semua. (Ketawa)

AR : **Jadi boleh Ayah Haji kongsikan apa perasaan Ayah Haji bila dapat keris itu?**

EA : *Tokleh* [tidak boleh] cerita (teruja).

MA : **(Ketawa).**

EA : *Kadey-kadey* [kadang-kadang], tiga *buley* [bulan] Ayah Haji *mintok* [minta] keris dengan *orey* [orang], *keney* [kenang] kita tengok *tokleh* [tidak boleh] duduk (membuat gaya termenung), teringat *supe* [serupa] nak *bini* [beristeri], teringat. Sampai tiga bulan baru boleh. Boleh *gok* [juga] tilik keris. *Maley* [malam] pukul dua Ayah Haji tengok keris lagi, tengok *sipey* [simpan], *lagu tu* [seperti itu]. Kita minat *key?* [kan] Tetapi dalam buku Ayah Haji Ayah Haji aluan mufti supaya anak-anak muda tidak *seleheng* [salah guna], tahu tak *seleheng* itu apa? Tidak *seleheng*. Tak tahu *seleheng* [salah guna]?

AR : **Tak tahu (berbisik).**

EA : (Teruja). Ayah Haji ambil aluan daripada mufti supaya takut jadi syirik. *Gitu* [begitu]. Dia senjata *memey* [memang] dia masuk ayat macam-macam tapi cuma dengan izin Allah. Kita kena *duk* [ingat] situ. Bawa keris, badik badik kecil \_\_\_\_ (membuat gaya memegang keris). Kalau ada *gu* [musuh] aku *hok* [yang] *bekeng* [garang] boleh *gini* [begini], ada *pinggey* [pinggang] *tokleh* [tidak boleh] salah, syirik kena *tok* [letak] atas *nu* [sana] (menunjuk ke arah atas), dengan izin Allah, insya-Allah. *Gitu* [begitu] tak syirik.

**AR : Jadi kiranya fungsi utama kiranya macam untuk perlindungan keris?**

EA : Dia perlindungan diri, dia ada *jugok* [juga] *hok* [yang] orang suka jadi kalau kita pakai benda jika diizinkan Tuhan orang suka nak *saing* [berkawan] dengan kita, suka nak *kawe* [berkawan] dengan kita. Ada juga sesetengah itu \_\_\_\_ masuk takut, gerun tahu tak gerun-gerun. Ada jugok masa dia buat dia tempa dia buat untuk penggerun, untuk musuh betul-betul untuk musuh sahaja. Itu kalau boleh kita pun *tokleh* [tidak boleh] cari *makey* [makan], *wak gapo* [buat apa] dia? Tapi bagi *orey* [orang] *debey* [garang] nak. *Lagu tu* [seperti itu] senjata.

**AR : Jadi Ayah Haji jadi pengumpul keris adakah memerlukan modal yang tinggi Ayah Haji?**

EA : *Memey* [memang]. Ayah Haji pernah beli dua puluh ribu sebilah- sebilah dua puluh ribu.

**AR : Mahal (ketawa).**

EA : Kalau lima ribu biasa sahaja. Hok molek *takleh* [tidak boleh] tidur. Sampai-sampai dia kata kalau nak dua puluh ribu, *royak* [beritahu] dua puluh ribu. Adik ada? Orang tua ada?

AR : **Ada. Ada keris?**

EA : Ya, keris.

AR : **Keris *takdok* [tiada] (ketawa kecil). Kalau *tok* [nenek] tu dia buat saji, tahu saji?**

EA : Taji?

AR : **Saji-saji. Macam---**

MA : **Menganyam.**

EA : Oh (terkejut), maksud Ayah Haji senjata.

AR : **Senjata *takdok* [tiada]. Kalau parang *mende-mende* [benda-benda] begitu ada.**

EA : *Parey* [parang] untuk kerja. Parang untuk kerja.

AR : **Jadi boleh Ayah Haji cerita *dok* [tak] bentuk keris itu macam mana? Dari hujung sampai---**

EA : Dia keris ini dia ada banyak *lok* [keadaan bengkok-bengkok pada bilah keris], kalau jenis *hok* [yang] *lok* itu dia ada *lok* satu, dia ganjil, satu, tiga, lima, tujuh,

sembilan, tiga belas, lima belas dia *takdok* [tiada] genap. Jadi dipercayai kalau raja-raja kebanyakan dia simpan lok tiga, *lepastu* [selepas itu] keris lurus pun raja-raja suka *jugok* [juga]. Dia banyak keris, banyak dia punya---

**AR : Varieti.**

EA : Varieti itu banyak. Banyak corak, corak ini, *hok* [yang] raja pakai *lagu mana* [macam mana]. Tapi *kalu* [kalau] yang molek-molek ni dari istana. Pemberian istana. Ada juga *tukey* [tukang] ini dia buat belaka. Ikut *tempahey* [tempahan] orang. Molek juga.

**AR : Jadi kiranya setiap jenis keris dia ada beza-beza bentuk dia?**

EA : Memang berbeza. Dia tak serupa *handmade* [buatan tangan]. Dia tak serupa bukan ambil kilang (bunyi orang ketawa). *Ketanda'ey* [ketandaan] pun lain, macam badik, ada yang mahal-mahal. Dia panggil senjata pendek.

**AR : Badik senjata pendek? Jadi pada pendapat Ayah Haji, kiranya ciri-ciri yang ada *kat* [pada] keris itu yang menunjukkan keunikan keris itu?**

EA : Jadi kita boleh tengok pamor, ketandaan, pamor di keris kita boleh kenal keris bentuk *gapo* [apa], dengan pamor itu, jadi kalau kita *takdok* [tiada] *ketanda'ey* [ketandaan] apa-apa kita kosong, kosong tu bukan *barey* [barang] tidak ada guna, ada guna untuk benda lain *pulok* [pula] tapi kalau ada *ketanda'ey* [ketandaan] tu khusus untuk senjata. Contohnya, damai dalam keluarga, rezeki, begitu. Dan Ayah Haji nak beritahu senjata orang-orang melayu paling unik sekali- dalam

*dunio* [dunia] bukan main-main. Unik sekali cara buatan dan ayat-ayat Quran semua. Cuma kita *lemoh* [lemah] kita satu sahaja kita tak serupa *orang putih* [orang Barat] *dibukukea* [dibukukan]. Sebab itu Ayah Haji ambil berat buat buku, kita kumpul *orey-orey* [orang-orang] cakap *gitu gini* [begitu begini] itu kita *record-record* [simpan] generasi ke generasi *record* [guna] buat buku. Takut *hiley* [hilang] *hok* [seperti] orang tua kita.

**AR : Jadi sebagai pengumpul keris ini, apakah kriteria yang macam Ayah Haji guna untuk tengok keris itu?**

EA : Nak mengenal ke?

**AR : Nak mengenal, memilih.**

EA : Ayah Haji oleh kerana banyak sangat Ayah Haji *pengalamey* [pengalaman] tengok keris, Ayah Haji tahu ini *rare* [luar biasa], ini biasa, jadi kalau tengok hok rare ini, \_\_\_ harga itu beli (ketawa).

**AR : Jadi adakah keris yang Ayah Haji sekarang ini ada macam reka bentuk dia atau hulu yang menjadikan dia istimewa?**

EA : Memang. Hulu satu faktor *jugok* [jugak]. Hulu ini dia kalau yang mahal raja-raja dia buat daripada gigi *ikey* [ikan], ikan paus. Dia hulu dia putih macam gading tapi adik tak kenal gading bukan gigi (teruja). Gigi lain, gigi *ikey* [ikan] lain, gading lain, kalau adik tengok *srupo* [serupa] sahaja. Tapi kalau Ayah Haji tengok Ayah Haji boleh *cey* [cam] ini gigi, ini gading, begitu.

**AR : Kiranya memang nak cari gigi paus tu pun---**

EA : Satu Ayah Haji nak *bagitahu* [beritahu] dia sini semenanjung kita ini kaya, pasal apa kaya, pasal dulu Singapura itu pelabuhan besar. Kita *duk* [asyik] *sohor* [bangga] luar negara, Singapura itu pelabuhan besar itu semua kapal-kapal lalu ikut itu dan transit di Singapura, *punggoh* [punggah] *barey* [barang] ke Singapura dulu. Tak kira gading ke *gapo* [apa] dunia sebab itu banyak dapat gigi *ikey* [ikan] ini di Singapura dulu. Sebab itu di sini banyak buat senjata dengan hulu, hulu itu diperbuat daripada gigi \_\_\_ pun diperbuat daripada gigi sebab mudah dapat dulu. Sekarang ini tak boleh, *takdok* [tiada] sudah, pupus.

**AR : Jadi adakah terdapat *kisah* [kisah] di sebalik keris ini yang Ayah Haji rasa tertarik dengan keris ini?**

EA : Maknanya khasiat dia?

**AR : Ho [ya].**

EA : (Ketawa). Dia begini macam *pengalamey* [pengalaman] Ayah Haji, sekarang Ayah Haji *keney* [kenang] satu keris, bila tengok kenang, *wak* [bawa] balik, bila bawa balik Ayah Haji ambil pengalaman kita bawa balik *barey* [barang] hati kita *suka* [senang hati], anak-anak pun *okay* [baik], sejuk, gembira, *happy* [gembira], *okay* [baik] boleh tapi kalau bawa balik kita ada saja nak marah *gapo semuo* [apa semua] *tokleh* [tak boleh] *kelih* [lihat] *bini* [isteri] apa semua, Ayah Haji cepat-cepat jual- sebab dulu *wae* [Wan] adik *wae* [Wan] tahu orang *mero* [bela] *pelesit* [sejenis makhluk halus] apa semua, *hantu raya* [sejenis makhluk halus] (bunyi

orang ketawa). Jadi kata satu *orey* [orang] ni kita *buh* [letak] nama Pak Nik---

**AR : Pok Nik (angguk kepala).**

EA : Pok Nik dia bela hantu raya, dia ada keris jadi kalau kita beli keris dia, bukan keris saja boleh dia turut sekali *nga* [dengan] hantu raya- dia mari rumah kita. Jadi kita jadi *bekeng* [garang] jadi tak kena macam-macam tak kena saja dengan arahan *bini* [isteri]. Itu yang orang panggil puaka-puaka. Jadi kalau saja-saja keris *takdok* [tiada] keris orang buat nak suruh jadi celaka semua nak suruh jadi baik. Jadi kalau hak asal, *tuey* [tuan] dia *takdok gapo-gapo* [tiada apa-apa] yang kita nak. Ayah Haji buat (ketawa).

**AR : Kiranya Ayah Haji memang betul-betul faham nilai di sebalik keris?**

EA : Insya-Allah, Insya-Allah.

**AR : *Pastu* [selepas itu] adakah bilah keris itu mempunyai lambang atau simbolik kepada suatu benda? Bilah dia?**

EA : Dia *kadey-kadey* [kadang-kadang] keris dulu dia di *sapir* [sampir] dia tulis kalau yang penting dia tulis Duli Yang Maha Mulia sekian-sekian dia tulis, di mata *takdok* [tiada], di mata itu biasa, *blade* [bilah] bilah tu *takde* [tiada] apa.

**AR : Bilah itu besi?**

EA : Besi itu.

**AR : Hulu dia---**



- EA : Hulu itu sampir hulu itu biasa dia akan dia buat *hok* [yang] raja dia ada *mark* [tanda] lah dalam *mark* [tanda] dia ada buat *crown* [mahkota] ke dia *buh* [letak] situ apa semua.
- AR : **Kiranya keistimewaan dan kegunaan keris itu bergantung kepada pemilik dia?**
- EA : Bergantung kepada *empu* [tuan] asal pembuat itu. Bukan pemilik, *tukey-tukey* [tukang] (bunyi deringan telefon). Tukang buat dia buat khusus yang ini dia *duk* [sibuk] buat dia baca-baca dia buat apa semua dia *katok* [bertukang] jadi dia *mintok* [minta] dengan Allah Taala itu supaya tujuan keris senjata ini untuk *ninini* [merujuk kepada pelbagai perkara] untuk pelaris ke, untuk musuh ke, macam itu. Pertahanan diri ke.
- AR : **Kiranya keris ini asal dia itu daripada Kelantan ini ke [atau] sebenarnya daripada mana?**
- EA : Di *rata* [merata]. *Pattani* [Thailand], *Tranu* [Terengganu], *Kelate* [Kelantan] seluruh tapi yang menghasil dengan banyaknya *Kelate* [Kelantan], *Tranu* [Terengganu], *ngan* [dengan] *Pattani* [Thailand].
- AR : **Kiranya seni ukiran pada hulu dan pada bilah semua bergantung kepada negeri masing-masing?**
- EA : Jadi kita boleh *cey* [cam] situ (berdehem). ini kalau Ayah Haji tengok ini *Pattani*, buatan Kelantan ini, buatan Indonesia ini.

**AR : Yang itu yang dia buat macam orang tahu? (bunyi orang batuk)**

EA : Dia---

**AR : Identiti.**

EA : Identiti itu.

**AR : Jadi untuk pegang keris itu ada cara dia *jugok* [juga] ke Ayah Haji?**

EA : Keris itu kalau ikut cara *iya* [benar] keris itu bila kita *buh* [letak] pinggang ini hulu dia *tokleh* [tidak boleh] pusing *depey* [depan]. Bila hulu itu pusing depan kita nak *makey* [makan] orang. Hulu dia kena pusing jangan [hala] ke *depey* [depan] cara tu itu sahaja (sambil membuat demonstrasi dengan tangan).

**MA : Pusing arah kita?**

EA : Ya, *lepastu* [selepas itu] kita *pegey* [pegang] itu pun ada cara dia.

**AR : Jadi untuk Ayah Haji dapatkan keris untuk tambah dalam koleksi Ayah Haji, macam mana Ayah Haji buat sebenarnya? Ayah Haji ada *contact* [hubungi] orang?**

EA : Dia Ayah Haji ini begini *mugo* [sebab] *orey* [orang] *sohor* [terkenal] *kea---* (bunyi orang ketawa) *beley-beley* [sambil-sambil] *bekok bukey* [bukan] *bakpe* [kenapa] itu (ketawa) dia jadi *orey* [orang] tahu yang itu *orey* [orang] tahu sebab Ayah Haji ini pengerusi, dia kalau ada keris dia *royak* [beritahu] ke Ayah Haji. Ayah Haji ada sebilah keris ini *raso-raso* [rasa] macam nak jual. Buat mari. Itu ceritanya.

Ada *jugok* [juga] Ayah Haji *gi* [pergi] tengok tapi *leni* [sekarang] peringkat Ayah Haji ini tak tengok sudah. *Tuo* [tua] sudah kalau dulu *jaley* [jalan] *gi* [pergi] tengok kalau masa umur tiga puluh, tiga puluh lebih *leni* [sekarang] tak pergi sudah orang mari cari. Begitu.

**AR : Kiranya Ayah Haji ini macam merantau?**

EA : Dulu . *Leni* [sekarang] *dok* [tidak] (ketawa).

**AR : Jadi untuk memastikan keaslian keris yang Ayah Haji beli kiranya Ayah Haji guna cara apa?**

EA : Nak *cey* [cam] dia?

**AR : *Ha'ah* [ya].**

EA : Ayah Haji ini nak *royak* [beritahu] *goni* [begini] apa rumit nak *royak* [bagitahu] cara tu dia *barey* [barang] lama (bunyi deringan telefon). Dia *leni* [sekarang] banyak orang buat yang baru. Sebagai contoh, keris yang berusia ratusan tahun dia *rutuh* [tempa] besi itu haus besi itu dengan usia, dengan usia lama yang sekarang yang *orey* [orang] tipu ini dia buat masuk asid, *rendey* [rendam] asid nak suruh nampak tua lama, *pahtu* [selepas itu] *macey-macey* [macam-macam] tapi bila kita tengok itu ini rutuh ini rutuh baru bukan rutuh lama. Di situ pengalaman Ayah Hajinya. Makna bila kita tengok keris setiap beli keris itu ini keris baru ini buat lama jadi *beki-beki* [baiki-baiki] suruh nampak lama, *rendey* [rendam] air car apa tapi kita tahu kita kenal kalau runtuh usia lain, *makey* [makan] usia lain. Itu

ialah cara itu Ayah Haji makna pasal kita ada pengalaman kan sebab itu nak *royak* [beritahu] benda-benda *gini* [begini] dia *payoh* [susah].

**AR : Sebab dia macam naluri.**

EA : Jadi macam adik ini kena lalui dulu, banyak *menengok* [melihat], tengok yang baru tengok yang lama, tengok yang *beki* [baiki], tengok yang asal lagu itu.

**AR : (Bunyi notifikasi telefon) jadi Ayah Haji ada macam berguru juga ke dengan *sape-sape* [sesiapa] ?**

EA : Jadi peringkat awal. Peringkat awal itu kita *memey* [memang] kita *tanyo* [tanya] orang-orang tua tapi bila kita *pehey* [faham] kita sendiri kita.

**AR : Jadi secara keseluruhannya Ayah Haji rasa jadi pengumpul keris ini *susoh* [susah] tak sebenarnya Ayah Haji?**

EA : Tak susah tapi kena hati-hati, hati-hati *lagu mana* [macam mana]? Kena yang baru *gak naya* [habis]. Orang *wak* [bawa] mari. *Sako* [pesaka] *tok* [datuk] kita ini padahal barang kelmarin buat. Berapa ini lima ratus bayar lima ratus benda tak boleh beli lima ratus. (Bunyi suara kanak-kanak) Itulah. Jadi kalau peringkat Ayah Haji dulu-dulu muda-muda Ayah Haji dulu *takdok* [tiada] banyak ni kerenah-kerenah begini *leni* [sekarang] banyak penipu. Negara kita moden banyak berlaku tahap menipu. Itu sahaja sekarang kena hati-hati maknanya kalau ada satu saja Ayah Haji nasihatkan kalau temu di kampung-kampung orang tua boleh dikatakan 100 peratus asli , kalau di Kota Bharu *nu* [sana] jual kat kaki lima apa semua tak

payah. Kena *sipe* [simpan] yang molek yang *ori* [asli].

**AR : Jadi Ayah Haji ada tak mengenali sesiapa pembuat keris terutama dalam Kelantan?**

EA : Banyak *tukey* [tukang] banyak. Di *Prakat* [nama tempat] buat, itu semua *member* [kawan] kita belaka. *Tukey* [tukang] keris. Tapi dia buat baru, *memey* [memang] dia *royak* [beritahu] pun baru. Banyak, di Prakat ada sepuluh *orey* [orang] ada *tukey* [tukang] dia di *belakey* [belakang] ini.

**AR : Jadi Ayah Haji pernah tengok sendiri proses buat keris macam mana?**

EA : Tengok, tengok. Dia *katok* [tempa], dia bakar apa.

**AR : Jadi proses yang mana yang Ayah Haji rasa macam paling istimewa bagi Ayah Haji?**

EA : Dia ada juga *tukey* [tukang] yang *leni* [sekarang] pun dia pilih besi kan besi yang lama terutama dia dapat daripada besi yang lama yang ratus tahun dia ambik dia *peracur* [menghancurkan] semula dia *katok* [tempa] semula. Dia guna daripada yang senjata lama, dia buat baru makna buat baru barang itu lama. Yang *lagu* [seperti] itu ada juga, boleh *sipey* [simpan] kalau seperti itu. Biarlah proses baru pun tapi besi itu besi tua.

**AR : Kalau kayu tu macam mana Ayah Haji?**

EA : Kayu dia *macey-macey* [pelbagai] kayu sekarang *sohor* [terkenal] nya kayu

kemuning, kayu kenaung, kenaung *itey* [hitam]. \_\_\_ gemunggal tapi biasa kemuning, kayu kemuning. Jadi dulu-dulu, hulu yang terkenal kayu kemuning.

**AR : Jadi memang kiranya jenis kayu dengan besi yang digunakan yang mempengaruhi keputusan Ayah Haji untuk ambil keris?**

EA : Ya, betul. Unik ke tidak, *comey* [cantik] ke tidak, asli ke tidak.

**AR : Bagaimana Ayah Haji simpan dan menjaga keris dalam koleksi Ayah Haji?**

EA : Ayah Haji biasa letak dalam almari khususnya saja, *takdok* [tiada] benda lain, keris sahaja, simpan, anak-anak pun tak tengok (ketawa).

**AR : Ayah Haji jaga kiranya ada lap-lap ke *guane* [bagaimana] ke?**

EA : *Takdok* [tiada] letak dalam almari tak payah lap cuma senjata ini kena jaganya jangan kena *tangey* [tangan] bilah, bilah jangan kena *tangey* [tangan] sebab kalau kena *tangey* [tangey] kalau *tangey* [tangan] kita peluh-peluh *jamoh* [sentuh] begini (sambil membuat contoh jari yang terkena bilah keris) esok nampak kering, nampak merah sudah karat---

**AR : Sensitif.**

EA : Dia dulu-dulu yang raja-raja selalu *buh* [letak] minyak, setahun sekali cuci dengan minyak apa semua.

**AR : Jadi disebabkan salah satu faktor Ayah Haji pengerusi yang lagi macam**

**tolong Ayah Haji untuk kumpul keris, betul?**

EA : Betul, salah satu sebab.

**AR : Jadi, apa pandangan Ayah Haji berkenaan *trend* [kecenderungan] orang kata *trend* [kecenderungan] kumpul keris ni?**

EA : Ayah Haji begini kalau orang yang *berkemampuey* [berkemampuan], bagus sebab lima puluh tahun dulu pernah Ayah Haji beli keris ini *tiga ratus* [harga] sekarang ni dia jadi *lima ribu* [harga]. *Supe* [sama] juga hulu dulu beli tiga ratus *leni* [sekarang] ribu-ribu.

**AR : Jadi ciri-ciri ukiran yang ada pada keris apa yang menjadi tumpuan dalam koleksi Ayah Haji?**

EA : Ayah Haji *takdok* [tiada] banyak mungkin *takde* [tiada] pun simpan yang berukir hulu, *molek* [elok] juga ada ukir macam ini pucuk paku ke *macey-macey* [macam-macam] ukiran bergantung kepada seni-seni (bunyi orang batuk) seni di *Kelate* [Kelantan] ini. *Duk* [duduk] atas kerusi *dik* [adik] (bercakap dengan orang lain). (Bunyi orang batuk). *Duk* [duduk] atas kerusi.

**AR : Jadi macam mana Ayah Haji susun atau pun mengekalkan rekod maksudnya Ayah Haji rekod keris yang Ayah Haji ada.**

EA : Ayah Haji buat satu buku, satu buku rekod. Contoh, nombor satu dalam buku itu kita tulis satu dapat bila, beli bila, berapa harga, pamor apa, nama keris *gapo* [apa] dia. Itu cara Ayah Haji rekod (bunyi orang batuk). Di keris itu ada bilangan

nombor satu, dua, tiga, empat, lima seterusnya.

**MA : Empat puluh lima [nombor soalan]. Adakah terdapat komuniti pengumpul keris di Kelantan?**

EA : Ramai, di Kelantan ini ramai pengumpul. Kurang lebih sepuluh orang lebih pengumpul.

**MA : Semua mereka itu veteran?**

EA : Kebanyakannya serupa Ayah Haji, ada yang muda pun ada, empat puluh an pun ada.

**AR : Soalan seterusnya, apakah aktiviti atau acara yang paling Tuan Haji nikmati dalam komuniti pengumpul keris?**

EA : Maksudnya?

**AR : Pertandingan ke?**

EA : Tu macam *takdi* [tadi]. Jadi Ayah Haji nya suka itu minat itu kerana kita boleh buat pameran, kita boleh pameran, boleh buat pertandingan keris.

**AR : Betul ke Ayah Haji pernah jadi juri?**

EA : Ayah Haji memang juri. Tapi sekarang ini *dok* [bukan] sudah. Kita bagi orang lain pula Ayah Haji ini sebab begini bila aktiviti itu *berjaley* [berjalan], kalau Ayah Haji jadi juri Ayah Haji tak boleh jaga ini Ayah Haji kena layan *belako* [belaka] jadi *leni* [sekarang] *dok doh* [sudah tidak]. Ayah Haji lantik orang lain jadi juri.



Ayah Haji cuma jadi juri, pengadil *suku* [lain] juri *suku* [lain]. Selepas pengadil buat keputusan, juri *gi* [pergi] tengok pula. Begitu.

**AR : Jadi sampai kini, ramai mana orang yang Ayah Haji *deal* [berurusan] untuk kumpul keris?**

EA : Maksudnya orang lain? Jadi *kenaley* [kenalan] Ayah Haji ramai macam di *Kubang Kerian* [Kelantan] itu Cikgu Din orang panggil. Cikgu Din, bekas pengerusi Zaini, *banyak* [banyak], ramai. Di *KL* [Kuala Lumpur] sendiri pun banyak sahabat-sahabat belaka.

**AR : Jadi sepanjang Ayah Haji kumpul keris ada tak cabaran atau kesulitan Ayah Haji hadapi?**

EA : *Takdok* [tiada].

**AR : *Takdok* [tiada] (angguk kepala).**

EA : Ada setengah orang kata *tokleh* [tak boleh] letak rumah jadi *budok-budok* [budak-budak] *kecik* [kecil] teriak apa, banyak *deme* [mereka] *duk kecek* [cakap] gitu tapi Ayah Haji kata *pernoh* [pernah] tak mari rumah ini, dia kata boleh tak keris ini, keris ini *bekeng* [bahaya] (ketawa kecil), jadi dia *perasey* [perasan] bila Ayah Haji ambil tiada apa-apa pun cuma kita jangan *taashub* [taksub]. Gitu sebab dia ini *supo* [seperti] kita, dia makhluk *supo* kita. Kita lebih dari dia.

**AR : Jadi bagi Ayah Haji penting untuk kita melestarikan seni---**

EA : Memang. Pasal yang orang Melayu yang asal, seni orang Melayu, perlu perlu dimartabatkan.

AR : **Jadi apakah nasihat atau tips yang Ayah Haji boleh bagi kepada orang yang baru nak mula?**

EA : Baru nak mula? Jadi, Ayah Haji nya nak *pesev* [pesan] hati-hati, dalam koleksi hati-hati jangan dengar *buah* [cakap] *orey* [orang] nanti mari *hoktu* [yang itu] hok *ambo* [saya], ini yang raja, *jangey* [jangan] beli cerita, maksud Ayah Haji jangan beli cerita, kita beli *barey* [barang], tengok *barey* [barang]. Kalau *barey* ini molek, *ketanda'ey* [ketandaan] nya molek mesti dia asal yang molek kepunyaan orang yang molek-molek. Jadi orang muda-muda *supe* [seperti] adik ini habis universiti, kerja, habis *pitis* [duit] saja tapi tak jadi *sehabuk* [apa-apa]. Jadi kalau nak beli itu kena rujuk.

AR : **Kena ada rujukan.**

EA : Kena ada *rujukea* [rujukan] orang tua-tua. Orang tua-tua pun banyak tak *reti* [pandai] juga bukan semua orang tua *reti* [pandai].

AR : **Okay [baiklah].**

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## BAHAGIAN 7: SUMBANGAN DAN HARAPAN

AR : *Okay* [baiklah], seterusnya, kita sudah tahu banyak pasal pengalaman semua, kita sampai *kat* [di] penutup. *Okay* [baiklah], seterusnya kami nak tahu sumbangan dengan harapan Ayah Haji. Pertama, pada pandangan Ayah Haji, adakah kerjaya Ayah Haji sebagai pengerusi ini boleh memberi kesan kepada diri Ayah Haji sendiri dengan keluarga?

EA : Anak-anak Ayah Haji suka belaka sebab begini, sebab bila Ayah Haji (bunyi ayam berkokok) ceburkan diri dalam bidang ini, Anak Haji yang doktor ke, arkitek ke, semua belajar sendiri belaka, cuma doktor itu kerajaan, apa SPA [Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia] yang lain-lain itu kalau yang buat *degree* [Ijazah Sarjana Muda] yang belajar sendiri, belajar sendiri- hasil daripada jual beli ini jual beli keris, manuskrip, apa porselin semua. Jadi, suka tentu suka bila kita tak ganggu duit *bini* [isteri] apa semua (bunyi ayam berkokok). Jadi *pelaburey* [pelaburan] sebab Ayah Haji ada *bincey* [bincang] dengan Profesor Diraja Ungku Aziz, Ayah Haji *macey* [macam] guru dia ini, dia kata (bunyi ayam berkokok) saudara Alwi dia panggil saudara, saudara Alwi *invest* [labur] yang terbaik dalam dunia ini dua perkara dia kata, satu tanah, *land* [tanah] beli banyak mana tanah pun tak rugi. Yang kedua, antik, antik ini keris, lembing, badik *gapo* [apa] *everything* [segala-galanya] sebab dia tidak akan turun harga naik *semacey* [semacam] (bunyi ayam berkokok).

**AR : Yang itu kerjaya sebagai pengerusi persatuan, kalau sebagai pengumpul keris pun ada impak?**

EA : Pengumpul dia kebanyakan bagi orang kaya sahaja, bagi *jutawey* [jutawan] boleh kumpul sebagai contoh di *pahey* [Pahang], Tengku Naim---

**MA : Tengku Naim ini? (sambil menunjuk ke arah seseorang)**

EA : (Ketawa) Adik orang *pahey* [Pahang], bukan? Ingat nama Tengku Naim? Tak ingat? Tengku Naim ini dia sepupu dia Sultan *leni* [sekarang] itu dia habis dekat enam juta. Enam juta beli berbagai-bagai jenis senjata, orang yang sohor-sohor ada kampung semua hak dia, jual *ke* [kepada] dia. Itu betul *collector* [pengumpul]. Lepas itu nak jadi *collector* [pengumpul] seperti itu tak boleh \_\_\_ seperti Ayah Haji . Beli, jual, beli, jual yang molek simpan, *susuk* [sembunyikan], \_\_\_ \_\_\_ jual, beli pula yang molek simpan, begitu. Sebab itu Ayah Haji tak boleh kumpul banyak, ini (membuat isyarat duit) tak *dey* [sempat] *pahtu* [selepas itu] kita nak belanja anak-anak sekarang mujur Ayah Haji terlepas belaka, anak-anak kerjaya sudah ada masing-masing- hasil daripada ini juga sebabnya Ayah Haji macam Mak Haji makan gaji tak *dey* [sempat], dunia ini tak *dey* [sempat] nak belanja anak-anak sekolah apa semua kalau tidak sampingan yang luar, pendapatan yang luar begitu.

**AR : Jadi, pada pandangan Ayah Haji, adakah warisan senjata ini memberikan impak kepada masyarakat kita sekarang ini?**

EA : Memang ada. Pasal dia jadi warisan jadi macam *pesaka* [pusaka], pusaka *tok*

[datuk] nenek kita.

**AR : Jadi, pada pandangan Ayah Haji sendiri berdasarkan pengalaman Ayah Haji jumpa ramai orang itu, apakah Ayah Haji rasa tanggapan masyarakat luar terhadap kita punya warisan ini?**

EA : Sebenarnya *orang putih* [orang Barat] *sohor* [bangga] barang kita. Banyak barang kita dulu-dulu *orang putih* [orang Barat] bawa balik \_\_\_\_, muzium Belanda, *pahtu* [selepas itu] di Belanda sendiri dulu *orang putih* [orang Barat] bawa balik manuskrip kita sebab itu *takdok* [tiada] manuskrip sastera, sejarah tiada dia *gomo* [ambil semua] bawa balik *pah* [sampai] keris-keris salut *mah* [emas] apa semua bawa balik sekarang pun ada *option* [pilihan] di luar negeri keris kita ini, *bukey* [bukan] murah. Begitu.

**AR : Jadi, adakah warisan senjata macam keris ini mudah untuk kita pasarkan sekarang ini?**

EA : Jadi bagi Ayah Haji, terpulang kepada individu, jadi macam Ayah Haji, Ayah Haji tahu yang mana boleh *tendey* [jual], yang mana boleh *sipey* [simpan]. Atas kita jadi kalau rupa mahal-mahal, rezeki. Tak jual tak masuk *pitih* [duit].

**AR : Jadi, seterusnya harapan Ayah Haji. Apakah harapan Ayah Haji terhadap Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan?**

EA : Jadi, harapan Ayah Haji selepas pada ini, Ayah Haji *mugo* [sebab] tua? Tujuh puluh dua [umur] sekarang. Rasa-rasanya nak lepas juga, jadi semoga ada pelapis,

ada pelapis yang boleh kendalikan supaya persatuan maju jaya.

**AR : Sekarang ni ada *dah ke* [atau tidak] Ayah Haji rasa orang yang layak?**

EA : Kita *let go* [lepaskan] atas Ayah Haji memang (ketawa kecil).

**AR : Jadi (bunyi notifikasi telefon), adakah Tuan Haji percaya orang-orang muda sekarang ini mampu untuk mengekalkan warisan seni kita ini?**

EA : Harapan Ayah Haji, ada pelapis, ada setengah hebat, hebat juga, ada tak putus benda ini. Mesti ada pelapis (bunyi helaian kertas diselak).

**AR : Jadi, kita nak tahu juga nasihat Ayah Haji untuk persatuan yang mempunyai objektif sama dengan persatuan Ayah Haji?**

EA : Jadi Ayah Haji kalau boleh kepada tapi terlibat tak patut Ayah Haji cakap begitu, bukan, kalau boleh kekalkanlah persatuan Ayah Haji, contohnya, jadi kita kena kekal apa yang kita buat *loni* [sekarang], contohnya, pertandingan keris, kekalkan dengan tidak *bias* [berat sebelah] kepada pengadil apa semua biar telus, ikhlas buat betul-betul- jangan ada apa orang panggil *corruption* [rasuah] supaya benda ini tak tercemar. Boleh, molek ikhlas buat kerja ikhlas *jangey* [jangan] ada *bias* [berat sebelah] apa semua.

**AR : Akhir sekali, apakah impian Ayah Haji yang masih belum tercapai bila kita bercakap mengenai warisan senjata itu sendiri?**

EA : Cuma satu saja yang Ayah Haji *duk* [sedang] usaha itu Tok Chu, Keris Tok Chu

*sahaja*, belum itu lagi, belum dapat kelulusan lagi untuk nak paten itu, tengah usaha sekarang ini. Jadi kalau dapat kelulusan daripada kementerian, melompat Ayah Haji (gembira), maknanya melompat lagu mana? Kita boleh kekalkan ini betul-betul keris *kelate* [Kelantan]. Boleh buat mercu tanda besar-besar di Kota Bharu [Kelantan]. *Duk* [sedang] tengah usaha. Insya-Allah.

## TAMAT

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Hj Alwi Hj Yusof sebagai Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan dari tahun 2006 hingga tahun 2023. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni purba dan kraftangan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# LAMPIRAN



## LOG WAWANCARA

Che Wan Muhammad Arif Rifqi bin Che Wan Jaafar dan Mohd Aminuddin bin Mat Lazat menemubual Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof, yang dilahirkan pada 17 Oktober 1951, di Kelantan. Temu bual dijalankan di rumah beliau di Cherang, Kota Bharu, Kelantan, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan sejak tahun 2006 hingga 2023.

MASA	SUBJEK	NAMA, TEMPAT, RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
2.51	Menceritakan berkenaan nama penuh, umur, Tarikh lahir, taraf Pendidikan, minat, Tarikh penubuhan persatuan, jawatan dalam persatuan.	Encik Hj. Alwi bin Hj. Yusof, Kota Bharu, lepasan SPM, pengumpulan barang-barang lama, tahun 1986, pengerusi.
6.44	Menceritakan bilangan anak.	Empat orang anak.
7.21	Menceritakan bilangan adik beradik.	Sepuluh orang adik beradik.
7.39	Menceritakan status pekerjaan isteri.	Pesara Jabatan Akauntan Negara.
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		

9.05	Menceritakan aktiviti yang pernah diceburi.	Menghadiri seminar mengenai perkerisan dan senjata warisan melayu di luar Kelantan.
<b>BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA</b>		
10.16	Menceritakan berkaitan jenis-jenis barang lama yang dikumpul dan pekerjaannya dalam persatuan.	Manuskrip lama, pembekal manuskrip lama kepada Professor Ungku Aziz.
12.19	Menceritakan sebab meminati dalam bidang yang diceburi.	Turun-temurun.
13.31	Menceritakan tugas di muzium.	Berbincang di setiap kali mengadakan mesyuarat, mengadakan aktiviti museum, mengadakan pertandingan keris dan pameran senjata lama.
14.17	Menceritakan tempoh perlantikan di muzium.	Tiga tahun sekali.
15.09	Menceritakan status pekerjaan.	Pesara Kerajaan dalam perkeranian.
16.40	Menceritakan pencapaian selepas menjadi pengerusi.	Menyiapkan buku bertajuk Rahsia Keris dan Senjata Warisan Melayu

17.09	Menceritakan ciri-ciri buku Rahsia Keris dan Senjata Warisan Melayu dan kisah dibalik buku tersebut.	Hard cover, 300 lebih muka surat, semua museum beli, buku pertama dihasilkan oleh persatuan.
<b>BAHAGIAN 4: SEJARAH DAN ASAL USUL PERSATUAN SENI PURBA DAN KRAFTANGAN KELANTAN</b>		
23.26	Menceritakan skema pertandingan keris dan item yang ada dalam skema.	Diolah oleh persatuan, mata, hulu, pedokok, pamor, dipakai oleh seluruh Malaysia.
24.18	Menceritakan Tarikh penubuhan persatuan.	Tahun 1986.
25.03	Menceritakan siapa yang mereka logo persatuan.	Cikgu Zakaria, bekas pengerusi pertama persatuan.
25.49	Menceritakan tujuan persatuan diwujudkan.	Untuk mengumpul ahli-ahli yang baru supaya kenal dengan seni senjata warisan melayu.
26.25	Menceritakan pengasas utama penubuhan.	En Hj Alwi dan 13 orang ahli jawatan kuasa.
26.44	Menceritakan nilai dan prinsip utama yang dipegang oleh persatuan.	Mengekalkan identiti senjata warisan melayu.
27.32	Menceritakan proses pemilihan ahli lembaga.	Lima tahun sekali.

28.02	Menceritakan bilangan ahli aktif yang ada dalam persatuan.	Lebih kurang 1000 seluruh Malaysia.
32.59	Menceritakan taraf peringkat aktiviti yang dilakukan oleh persatuan.	Peringkat negeri dan antarabangsa.
34.33	Menceritakan kolaborasi dengan lain-lain persatuan.	Bekerja sama dengan persatuan lain dan menghantar ahli seperti pengadil. Pernah berkolaborasi dengan persatuan seni purba penang, Selangor dan Terengganu.
35.49	Menyatakan impian persatuan yang belum tercapai.	Mengadakan pejabat khas untuk persatuan.

**BAHAGIAN 5: PENGALAMAN SEBAGAI PENERUSI PERSATUAN SENI PURBA DAN KRAFTANGAN KELANTAN**

38.08	Menceritakan asbab dipilih menjadi pengerusi persatuan.	Dipilih oleh jawatan kuasa.
40.49	Menceritakan jenis program yang dilakukan.	Berkaitan dengan senjata warisan.
43.00	Menceritakan motivasi yang perlu ada.	Komitmen sendiri, ketegasan, tolak ansur.

**BAHAGIAN 6: PENGALAMAN SEBAGAI PENGUMPUL KERIS**

47.40	Menceritakan sebab menceburkan diri sebagai pengumpul keris, tempoh sebagai pengumpul keris.	Memiliki minat kerana turun-temurun, lima puluh tahun.
50.31	Menceritakan proses pembuatan keris melayu dahulu, kegunaan utama keris dan kelebihan keris atas lambangnya.	Solat hajat dan puasa untuk hari pertama pembuatan keris dan mencari besi yang terbaik, untuk buat orang gerun, lambang tapak gajah ataupun anak sungai.
53.27	Menceritakan pengalaman mendapatkan keris.	Tiga bulan untuk mendapatkan keris.
55.01	Menceritakan fungsi utama keris.	Untuk perlindungan diri, untuk orang sayang, untuk penggerun.
55.55	Menyatakan modal yang dikeluarkan untuk membeli keris.	RM 20, 000 sebilah.
57.44	Menceritakan struktur keris, jenis keris yang diminati raja-raja, ciri-ciri keunikan keris.	Mempunyai lok yang ganjil (lok 1, lok 3, lok 5, lok 7, lok 9, lok 13, lok 15), keris lok 3 dan keris lurus, ketandaan dan pamor.

1.01.19	Menceritakan bahagian yang menjadi keistimewaan keris.	Hulu dan reka bentuk yang dibuat oleh gigi ikan paus.
1.05.29	Memberitahu keistimewaan asal yang ada pada keris.	Daripada tukang.
1.06.02	Menceritakan kawasan yang banyak menghasilkan keris pada zaman dahulu.	Petani, Kelantan, Terengganu.
1.06.55	Menceritakan cara memegang keris.	Hulu tidak boleh pusing ke depan.
1.07.26	Memberitahu cara mendapatkan keris.	Orang yang memiliki keris mencari Ayah Haji untuk menjual keris.
1.09.17	Memberitahu penipuan orang terhadap kualiti keris dan cara belajar membezakan keris lama dan baharu.	Merendam dalam asid, banyakkann pemerhatian.
1.12.20	Menceritakan proses pembuatan keris yang disukai.	Pemilihan besi yang lama atau senjata lama dan ratusan tahun untuk dileburkan semula.
1.12.53	Memberitahu jenis-jenis kayu dan kayu yang tersohor untuk pembuatan hulu.	Kayu kemuning, kayu kenaung, teras gemunggal.
1.13.36	Menceritakan cara penyimpanan keris.	Simpan dalam almari khusus untuk keris, bilah tidak bersentuhan dengan tangan.

1.15.50	Cara menyusun dan merekod.	Ada buku rekod
1.16.29	Menyatakan bilangan pengumpul keris dikelantan dan umur mereka.	Sepuluh ke atas, sebaya dan umur 40an.
1.18.10	Menyatakan kenalan pengumpul keris.	Cikgu Din, bekas Pengerusi Zaini dan ramai lagi.
1.19.39	Menasihati kepada pemula.	Berhati-hati, jangan dengar cakap orang, jangan beli cerita orang, perlu ada rujukan orang tua-tua.

#### **BAHAGIAN 7: SUMBANGAN DAN HARAPAN**

1.21.07	Menyatakan kesan dalam ceburi bidang pengumpulan.	Menjadi satu pelaburan.
1.26.05	Menyatakan harapan terhadap dan nasihat untuk persatuan.	Semoga ada pelapis baharu, kekalkan pertandingan keris dengan tulus ikhlas.
1.28.56	Menyatakan harapan yang belum tercapai mengenai senjata warisan melayu.	Belum dapat kelulusan Keris Tok Chu daripada kementerian untuk diwartakan sebagai keris Kelantan.

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
